



Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

**ARSHAD AYUB GRADUATE BUSINESS SCHOOL
PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR**

KETUA PTJ :

NORZANAH BINTI MAT NOR

KETUA UNIT KUALITI :

NUR ARFAH BINTI MUSTAPHA

PENYELARAS :

SHALIZA BINTI ALWI

PENULIS :

1. SHALIZA BINTI ALWI
2. HAMIDAH BINTI MD YUSOP
3. MOHD FATHI BIN ABU YAZIZ @ MOHAMAD
4. SHARIZAN BT SHARKAWI
5. SURIANA BINTI RAMLI
6. WAN MOHD AL FAIZEE BIN WAN AB RAHAMAN
7. NORIZAN BINTI JAAFAR

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan kanan AAGBS memainkan peranan penting dalam fasa Global Prominence (2023-2025) dengan menyokong aspirasi UiTM untuk merealisasikan misi transformasi universiti yang berfokus pada tiga teras strategik utama: pendidikan berkualiti, kecemerlangan global, dan prestasi berasaskan nilai.

Dalam bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar, dua unit utama, iaitu Unit Hal Ehwal Pelajar dan Unit Jaringan Industri dan Antarabangsa, diterajui oleh dua Timbalan Dekan yang bekerjasama dengan dua Koordinator, seorang pegawai eksekutif, dan seorang kerani. Mereka bertanggungjawab merancang, merangka, memantau pelaksanaan, menyemak keberhasilan aktiviti, serta menambah baik proses dan prosedur melalui pengenalpastian keperluan sumber dan sokongan sepanjang tempoh pengoperasian terutamanya aktiviti pengurusan serta pembangunan pelajar berjalan lancar.

Pelan perancangan strategik AAGBS 2024 diselaraskan dengan visi dan misi universiti dan dipetakan kepada Key Performance Indicator (KPI) utama yang disokong oleh Unit Transformasi Universiti. Ini adalah bagi memastikan AAGBS kekal mencapai piawaian badan akreditasi antarabangsa seperti Association of Advance Collegiate Schools of Business (AACSB). Ini menjadikan AAGBS sebuah pusat akademik perniagaan pascasiswazah yang diiktiraf di peringkat global, komited untuk membentuk pemimpin bertanggungjawab dalam perniagaan dan masyarakat.

AAGBS komited untuk mencapai visinya melalui tiga sub-misi utama: connect with industry, engage with community, dan advance in knowledge. Di bawah kepimpinan kanan, program pengurusan dan pembangunan pelajar dipacu melalui 10 KPI yang dipetakan kepada satu misi besar, dengan tiga inisiatif utama: melahirkan pemimpin bertanggungjawab *Entrepreneurial Mindset Leaders, Socially Responsible Leaders, dan Knowledge Driven Leaders*. Perancangan kewangan, sumber manusia, dan bahan-bahan kritikal diteliti secara mendalam bersama ahli komiti terlibat serta pihak bendahari.

Pemantauan berterusan dilakukan melalui bengkel pelan strategik tahunan dan mesyuarat pengurusan bulanan yang berkala, audit dalaman dan luaran serta maklum balas pelbagai pihak. Ini bertujuan mengesan kekuatan dan kelemahan hasil serta proses, dengan pendekatan pengurusan yang berteraskan nilai-nilai agile, innovative, collaborative, dan responsible. Isu-isu dan masalah yang dikenalpasti ditangani dengan segera bagi memastikan kecemerlangan operasi dan hasil dicapai melalui penambahbaikan berterusan. Aduan dan maklum balas pelanggan juga diambil serius oleh unit berkaitan untuk terus memperbaiki kualiti perkhidmatan. Keberhasilan dapat dilihat melalui peningkatan enrolmen pelajar pascasiswazah, kadar graduan tepat masa dan kejayaan alumni dalam pelbagai industry.

Kepimpinan AAGBS mengukur pencapaian aktiviti melalui dua cara utama: keberhasilan KPI yang dilaraskan oleh Koordinator Perancangan Strategik dan pencapaian akademik pelajar serta program berdasarkan Objektif Kualiti. Penilaian ini dilakukan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, External Review oleh InQKA, dan Peer Review oleh badan akreditasi seperti ABEST21 dan AACSB.

Keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini dibuktikan melalui penambahbaikan proses serta prosedur, dengan mengenalpasti keperluan sumber dan sokongan yang diperlukan sepanjang tempoh operasi. Hasilnya, AAGBS telah menerima pengiktirafan melalui pencapaian jumlah enrolmen pelajar pascasiswazah tertinggi di UiTM Indeks Pencapaian SUFO melebihi 90% dan peningkatan bilangan pelajar yang menamatkan pengajian tepat

pada masanya (2017) pada tahun 2020. Reputasinya ini turut tercermin dalam kejayaan alumni AAGBS yang kini menjadi pemimpin terkemuka dalam pelbagai industri.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan kanan AAGBS memainkan peranan penting dalam fasa **Global Prominence (2023-2025)** dengan menyokong aspirasi UiTM untuk merealisasikan misi transformasi universiti yang berfokus pada tiga teras strategik utama: pendidikan berkualiti, kecemerlangan global, dan prestasi berasaskan nilai.

Dalam bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar, dua unit utama, iaitu **Unit Hal Ehwal Pelajar dan Unit Jaringan Industri dan Antarabangsa**, diterajui oleh dua Timbalan Dekan yang bekerjasama dengan dua Koordinator, seorang pegawai eksekutif, dan seorang kerani. Mereka bertanggungjawab merancang, merangka, memantau pelaksanaan, menyemak keberhasilan aktiviti, serta menambah baik proses dan prosedur melalui pengenalan keperluan sumber dan sokongan sepanjang tempoh pengoperasian terutamanya aktiviti pengurusan serta pembangunan pelajar berjalan lancar.

Pelan perancangan strategik AAGBS 2024 diselaraskan dengan visi dan misi universiti dan dipetakan kepada **Key Performance Indicator (KPI)** utama yang disokong oleh Unit Transformasi Universiti. Ini adalah bagi memastikan AAGBS kekal mencapai piawaian **badan akreditasi antarabangsa seperti Association of Advance Collegiate Schools of Business (AACSB)**. Ini menjadikan AAGBS sebuah pusat akademik perniagaan pascasiswazah yang diiktiraf di peringkat global, komited untuk membentuk pemimpin bertanggungjawab dalam perniagaan dan masyarakat.

AAGBS komited untuk mencapai visinya melalui tiga sub-misi utama: **connect with industry, engage with community, dan advance in knowledge**. Di bawah kepimpinan kanan, program pengurusan dan pembangunan pelajar dipacu melalui **10 KPI** yang dipetakan kepada satu misi besar, dengan tiga inisiatif utama: melahirkan **Entrepreneurial Mindset Leaders, Socially Responsible Leaders, dan Knowledge Driven Leaders**. Perancangan kewangan, sumber manusia, dan bahan-bahan kritikal diteliti secara mendalam bersama ahli komiti terlibat serta pihak bendahari.

Pemantauan berterusan dilakukan melalui bengkel pelan strategik tahunan dan mesyuarat pengurusan bulanan yang berkala, audit dalaman dan luaran serta maklum balas pelbagai pihak. Ini bertujuan mengesan kekuatan dan kelemahan hasil serta proses, dengan pendekatan pengurusan yang berteraskan nilai-nilai agile, innovative, collaborative, dan responsible. Isu-isu dan masalah yang dikenalpasti ditangani dengan segera bagi memastikan kecemerlangan operasi dan hasil dicapai melalui penambahbaikan berterusan. **Aduan dan maklum balas pelanggan** juga diambil serius oleh unit berkaitan untuk terus memperbaiki kualiti perkhidmatan. Keberhasilan dapat dilihat melalui peningkatan enrolmen pelajar pascasiswazah, kadar graduan tepat masa dan kejayaan alumni dalam pelbagai industry.

Kepimpinan AAGBS mengukur pencapaian aktiviti melalui dua cara utama: **keberhasilan KPI** yang dilaraskan oleh Koordinator Perancangan Strategik dan pencapaian akademik pelajar serta program berdasarkan **Objektif Kualiti**. Penilaian ini dilakukan melalui **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, External Review** oleh InQKA, dan **Peer Review** oleh badan akreditasi seperti ABEST21 dan AACSB.

Keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini dibuktikan melalui **penambahbaikan proses serta prosedur**, dengan mengenalpasti keperluan sumber dan sokongan yang diperlukan sepanjang tempoh operasi. Hasilnya, AAGBS telah menerima **pengiktirafan** melalui **pencapaian jumlah enrolmen pelajar pascasiswazah tertinggi di UiTM Indeks Pencapaian SUFO melebihi 90%** dan **peningkatan bilangan pelajar yang menamatkan pengajian tepat pada masanya (GOT)** pada tahun 2023. Keberhasilan ini turut tercermin dalam **kejayaan alumni AAGBS yang kini menjadi pemimpin terkemuka** dalam pelbagai industry.

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_K01_KB02_20251_Bukti_1.2.1.pdf](#)
2. [B0078_K01_KB02_20252_Bukti_1.2.2.pdf](#)
3. [B0078_K01_KB02_20253_Bukti_1.2.3.pdf](#)
4. [B0078_K01_KB02_20254_Bukti_Kursus_Capstone_AA901.pdf](#)
5. [B0078_K01_KB02_20255_Bukti_1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan kanan AAGBS memainkan peranan strategik melalui Unit Hal Ehwal Pelajar dan Unit Jaringan Industri dan Antarabangsa, yang diterajui oleh dua Timbalan Dekan, dua Koordinator, seorang pegawai eksekutif, dan seorang kerani. Unit ini diberi tanggungjawab untuk mengenal pasti fungsi, peranan, dan tanggungjawab dalam proses pengurusan dan pembangunan pelajar. Fokus utama adalah untuk memacu perancangan yang lebih terperinci, memantau pelan tindakan dan pelaksanaan, menyemak keberhasilan aktiviti, serta memastikan keperluan sumber dipenuhi sepanjang tempoh pengoperasian. Hal ini dilakukan melalui engagement yang erat dengan pihak pemegang taruh.

Perluasan di Peringkat AAGBS:

Kepimpinan AAGBS telah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk staf akademik, pentadbiran, pelajar, alumni, serta wakil industri dan komuniti. Langkah ini diambil untuk memastikan setiap keputusan dan tindakan adalah inklusif dan berkesan. Beberapa inisiatif utama termasuk:

1. Taklimat Dekan dan Kepimpinan Kanan pada Mesyuarat Akademik permulaan semester - Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan sokongan dan keterlibatan penuh dari warga AAGBS dalam setiap usaha pengurusan dan pembangunan pelajar.
2. Semakan Kurikulum 2023/2024 - Semakan ini dilakukan bersama wakil agensi kerajaan, industri, pakar akademik, dan alumni. Fokus utama adalah penawaran kursus Capstone yang mengandungi elemen projek experiential learning (CSR) dan knowledge transfer bagi projek Responsible Leaders dan Innovative Thinkers (Bukti_1.3.1).
3. Penggunaan Laman Sesawang AAGBS dan Media Elektronik - Platform seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, dan email digunakan untuk penyebaran maklumat dengan cepat dan telus kepada semua pihak berkepentingan (Bukti_1.3.2).
4. Memperkasakan Perwakilan Pelajar AAGBS (ASAS) - ASAS menerajui projek khas kepimpinan di peringkat fakulti dengan tema Responsible Leaders, yang membolehkan pelajar mengembangkan kemahiran kepimpinan mereka (Bukti_1.3.3).

Perluasan di Peringkat UiTM dan Kebangsaan:

Pada peringkat universiti dan kebangsaan, AAGBS memainkan peranan penting dalam menyokong hala tuju UiTM melalui pelbagai inisiatif yang memperkukuh kedudukan universiti. AAGBS turut melibatkan staf akademik dari cawangan, agensi kerajaan, alumni, serta wakil industri dan komuniti dalam usaha pengurusan dan pembangunan pelajar. Antara langkah yang diambil termasuk:

1. Taklimat Resource Person kepada Staf Akademik Cawangan - Taklimat ini penting bagi kursus Capstone, yang mengandungi elemen experiential learning (CSR) dan knowledge transfer, dengan fokus kepada projek Socially Responsible Leaders dan Knowledge Driven Leaders.
2. Penggunaan Laman Sesawang dan Media Elektronik - Seperti di peringkat fakulti, maklumat disebar dengan telus dan cepat melalui pelbagai platform elektronik.
3. Kolaborasi bersama Komuniti, NGO, Industri, dan Badan Profesional - Contohnya, IMM Webinars dan dianjurkan sebagai sebahagian daripada Projek Entrepreneurial Mindset Leaders, yang melibatkan pelajar dalam projek-projek berimpak tinggi (Bukti_1.3.4).

Perluasan di Peringkat Global:

Peringkat global, AAGBS telah memperluas jejaring dan kerjasama dengan institusi pendidikan terkemuka serta industri di seluruh dunia. Beberapa inisiatif utama termasuk:

1. MOU dan MOA dengan Universiti Berpotensi - Perjanjian ini bertujuan memperkuat penawaran program pembangunan pelajar di peringkat global.
2. Taklimat Pelajar Program Induksi - Taklimat ini memperkenalkan pelajar kepada peluang mengikuti Exchange Program dan Dual Degree Program, yang merupakan sebahagian daripada projek Knowledge Driven Leaders (Bukti_1.3.4).
3. Kolaborasi bersama Universiti Terkemuka - Ini termasuk program pertukaran pelajar dan program Dual Degree serta penyelidikan yang berkolaborasi dengan institusi luar negara.

Inisiatif perluasan dipelbagai peringkat telah terbukti berkesan dalam mendapatkan sokongan semua pihak pemegang taruh, penghasilan graduan yang berdaya saing di peringkat global (Bukti_1.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_K01_KB03_20251_Bukti_1.3.1.pdf](#)
2. [B0078_K01_KB03_20252_AAGBS_1.3.2_Media Elektronik AAGBS.pdf](#)
3. [B0078_K01_KB03_20253_AAGBS_1.3.3_ASAS_COMMITTEE_2025.pdf](#)
4. [B0078_K01_KB03_20254_Bukti_1.3.4 Focus Induction Exchange Student.pdf](#)
5. [B0078_K01_KB03_20255_Bukti_1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan kanan PTJ telah merangka pelan pemantauan yang sistematik untuk mengenal pasti pencapaian dan kegagalan dalam bidang tumpuan yang dipilih. AAGBS mempunyai carta fungsi tadbir urus yang dinamik bagi pemantauan secara top down dan horizontal (Bukti_1.4.1). Pelan ini melibatkan beberapa langkah strategik:

1. Mengenalpasti Pencapaian Bidang Tumpuan:

Kepimpinan kanan AAGBSJ mengadakan sesi pemantauan secara berkala melalui enda Mesyuarat Pengurusan bulanan, JKAPS dan JAF semester, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) berkala dan Perancangan Strategik tahunan. Dalam mesyuarat ini, setiap bidang tumpuan yang telah dipilih akan dinilai berdasarkan 10 KPI yang telah ditetapkan (Bukti_1.4.2).

Pengurus projek akan membentangkan status terkini inisiatif mereka, termasuk pencapaian, cabaran, dan tindakan lanjut yang diperlukan. Selain itu, laporan pencapaian interim di pantau oleh Koordinator Perancangan Strategik, disediakan setiap suku tahun untuk memastikan setiap inisiatif berjalan mengikut pelan yang dirancang menggunakan system e-RMS dan UePMO. Laporan bergambar dikongsikan di media elektronik dengan bagi tujuan rekod dan pemakluman kecapaian projek-projek khas dalam (Bukti_1.4.3).

Laporan ini juga disemak oleh Audit Dalam iQMS, Unit Hal Ehwal Pelajar dan Unit Jaringan Industri dan Antarabangsa, Audit Luar InQKA, Audit Badan Akreditasi ABEST21 dan AACSB. Maklum balas audit digunakan sebagai panduan dalam mengambil tindakan pembedahan sekiranya perlu (Bukti_1.4.4).

2. Mengenalpasti Punca Kegagalan Sesuatu Inisiatif:

Aduan maklum balas pelajar, diskusi secara berkala bersama rakan kolaborasi dan penilaian selepas projek dilaksanakan secara berterusan bagi mengenalpasti isu, masalah dan punca kegagalan (Bukti_1.4.5). Apabila kegagalan dikenal pasti, analisis akar punca (root cause analysis) dilakukan secara menyeluruh. Proses ini melibatkan pengumpulan data dari semua tahap pelaksanaan, wawancara dengan pihak yang terlibat, dan semakan semula strategi pelaksanaan yang telah digunakan.

Sesi pembelajaran dari kegagalan ini dilakukan melalui sesi retrospektif yang melibatkan semua pihak. Dalam sesi ini, kepimpinan kanan bersama pasukan projek membincangkan sebab-sebab kegagalan, mengenal pasti kelemahan dalam proses, dan merangka tindakan pembedahan. Sebagai contoh, isu kegagalan pelajar yang mengikuti program pertukaran di Belgium pada tahun 2018, telah dibincangkan dalam JKAPS dan JAF mendapati ketidaksesuaian kriteria pelajar dan program yang diikuti.

Pelan pemantauan AAGBS berfungsi untuk mengesan pencapaian dan kegagalan, dan menyokong pembelajaran berterusan untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan inisiatif.

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_K01_KB04_KC01_20251_Bukti_1.4.1_Tadbir Urus AAGBS.pdf](#)
2. [B0078_K01_KB04_KC01_20252_Bukti_1.4.2_Contoh Minit Mesyuarat Pengurusan.pdf](#)
3. [B0078_K01_KB04_KC01_20253_Bukti_1.4.3_Contoh Laporan Bergambar Facebook, Instagram dan Website.pdf](#)
4. [B0078_K01_KB04_KC01_20254_Bukti_1.4.4_Contoh Laporan Audit ABEST211.pdf](#)
5. [B0078_K01_KB04_KC01_20255_Bukti_1.4.5.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko di AAGBS dilaksanakan secara sistematik melalui pelantikan Penyelaras Risiko dan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang bertanggungjawab mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko yang berpotensi menjejaskan kejayaan inisiatif. Proses pengurusan risiko melibatkan beberapa langkah strategik: 1) mengenalpasti risiko, punca risiko, mengklasifikasikan tahap risiko, merancang kawalan risiko serta melaksanakan tindakan pencegahan risiko secara proaktif dan reaktif Bukti_1.4.2 (1). Proses ini adalah selari dengan Panduan Risiko yang diselaraskan dalam sistem UiTM Bukti_1.4.2.(2). Jawatankuasa Pengurusan Risiko dengan keahlian kepimpinan Kanan dan Ketua Unit Kualiti, membuat pelaporan risiko secara berkala iaitu 4 kali setahun bagi memantau isu, tindakan dan status risiko Bukti_1.4.2 (3). Pelaporan ini dibentangkan dan diminitkan dalam MKSP Bukti_1.4.2 (4).

Bagi bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar, rekod pendaftaran risiko 2023 menunjukkan beberapa risiko yang dikenalpasti bagi projek Global Future Talents -Risiko tinggi kegagalan adalah kurang penglibatan pelajar di dalam program mobiliti (Student Exchange, Dual Master). Antara punca kegagalan adalah disebabkan peningkatan mata wang asing, prosedur mendapatkan kelulusan visa yang semakin ketat dan kes pelajar separuh masa yang bekerja, yang tidak mendapat pelepasan majikan. Perkara ini membawa impak kurang penglibatan program mobiliti dikalangan pelajar Bukti_1.4.2(5). Strategi mitigasi risiko yang telah diambil sebagai Tindakan pembetulan adalah menyediakan bantuan kewangan sebanyak RM5,000 bagi setiap pelajar yang memerlukan, memberi panduan awal dan menyediakan dokumen permohonan visa, dan memastikan pelajar telah mendapat kelulusan majikan sebelum membuat pendaftaran penempatan dalam program mobility pada universiti luar negara yang berkolaborasi Bukti_1.4.2(6).

Pengurusan Kanan PTJ mengurus risiko dengan strategi mitigasi yang dirangka berdasarkan penilaian awal. Langkah-langkah seperti pengoptimuman sumber, penyesuaian jadual, dan penyediaan bajet tambahan diambil untuk mengurangkan kemungkinan dan kesan risiko. Pemantauan berterusan dilakukan melalui Mesyuarat Pengurusan Risiko, di mana status risiko dibincangkan dan strategi mitigasi dikemaskini apabila risiko baru timbul. Pendekatan yang berstruktur ini memastikan risiko diminimumkan, dan inisiatif dapat mencapai objektifnya dengan cekap dan berkesan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_K01_KB04_KC02_20251_Bukti_1.4.2\(1\)_Surat Lantikan Penyelaras Risiko.pdf](#)
2. [B0078_K01_KB04_KC02_20252_Bukti_1.4.2\(2\)_Garis Panduan Risiko UiTM.pdf](#)
3. [B0078_K01_KB04_KC02_20253_Bukti_1.4.2\(4\)_Daftar Risiko 2024 \(1\).pdf](#)
4. [B0078_K01_KB04_KC02_20254_Bukti_1.4.2\(4\)_Daftar Risiko 2024 \(2\).pdf](#)
5. [B0078_K01_KB04_KC02_20255_Contoh Aktiviti Pelajar 2025.pdf](#)

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan AAGBS mengamalkan pendekatan sistematik dalam mengkaji semula dan melaksanakan tindakan penambahbaikan untuk meningkatkan prestasi dalam bidang tumpuan yang telah dipilih. Proses ini melibatkan beberapa langkah utama yang bertujuan untuk memastikan peningkatan berterusan dan pencapaian objektif strategik.

1. Kajian Semula Berterusan:

Pengurusan Kanan AAGBS secara berkala mengkaji semula pencapaian inisiatif melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) bulanan dan tahunan. Dalam sesi ini, hasil pelaksanaan inisiatif dinilai secara terperinci, termasuk pencapaian KPI dan analisis terhadap cabaran yang dihadapi. Data dan maklumat dari penilaian ini digunakan untuk mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan serta punca masalah yang mungkin menjejaskan prestasi.

2. Tindakan Penambahbaikan Berdasarkan Data:

Berdasarkan hasil kajian semula, Pengurusan Kanan AAGBS merangka tindakan penambahbaikan yang spesifik. Pendekatan ini menggunakan data dan analisis yang diperoleh untuk menentukan tindakan yang paling efektif. Contohnya, jika terdapat kelemahan dalam pelaksanaan strategi tertentu, perubahan segera dilakukan, seperti pengoptimuman sumber, penyesuaian skop kerja, atau peningkatan latihan dan sokongan kepada staf yang terlibat.

3. Implementasi Tindakan Penambahbaikan:

Setelah tindakan penambahbaikan dikenalpasti, Pengurusan Kanan memastikan ia dilaksanakan dengan pantas dan efisien. Pelaksanaan ini dipantau secara rapi melalui sistem pemantauan yang telah ditetapkan, termasuk laporan berkala dan perjumpaan dengan pasukan pelaksana. Pendekatan ini memastikan bahawa tindakan penambahbaikan benar-benar memberi impak positif terhadap prestasi dan tidak berulanginya masalah yang sama.

4. Pembelajaran dari Pengalaman:

Pengurusan Kanan AAGBS juga memberi penekanan kepada pembelajaran berterusan dari hasil tindakan penambahbaikan. Pengalaman dari inisiatif yang berjaya atau gagal dianalisis untuk mendapatkan pelajaran yang berharga. Pengetahuan ini kemudian didokumentasikan dan dikongsi dalam repositori pengetahuan AAGBS, yang boleh diakses oleh seluruh organisasi untuk memperbaiki pelaksanaan inisiatif di masa hadapan.

5. Pemantauan dan Pengulangan Proses:

Proses mengkaji semula dan penambahbaikan adalah berterusan. Setelah tindakan penambahbaikan dilaksanakan, prestasi dipantau untuk memastikan keberkesannya. Sekiranya hasil yang diinginkan tidak tercapai, kajian semula dilakukan sekali lagi, dan tindakan penambahbaikan tambahan mungkin diperlukan. Pengulangan proses ini memastikan peningkatan berterusan dan adaptasi terhadap sebarang perubahan atau cabaran baru yang timbul.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_K01_KB04_KC03_20251_Minit Mesyuarat Bil 1 2024.pdf](#)
2. [B0078_K01_KB04_KC03_20252_MESYUARAT PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIABIL 2_2025_BPO \(2\).pdf](#)
3. [B0078_K01_KB04_KC03_20253_PERMOHONAN PELANTIKAN SEMULA JAWATAN KONTRAK DAN PENGISIAN SEMULA JAWATAN KONTRAK.pdf](#)
4. [B0078_K01_KB04_KC03_20254_SOP_Kelulusan Aktiviti_HEP.pdf](#)

5. [B0078_K01_KB04_KC03_20255_Pengurusan Akaun Amanah.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS) UiTM menekankan integrasi kepemimpinan berasaskan tiga hasil utama iaitu **Entrepreneurial Mindset Leaders, Socially Responsible Leaders, dan Knowledge Driven Leaders**. Integrasi ini dilaksanakan secara sistematik melalui pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, program komuniti, serta jaringan industri dan antarabangsa. Pendekatan ini bukan sahaja selaras dengan misi UiTM, malah memperkukuh agenda **Malaysia MADANI** dan **Sustainable Development Goals (SDG)**.

1. Entrepreneurial Mindset Leaders

AAGBS membina kepimpinan berteraskan keusahawanan dengan mengintegrasikan modul perniagaan berasaskan teknologi, program simulasi perniagaan, dan *case study method*. Program seperti **Alumni Mentorship Program** dan **Coaching for Success** memberi bimbingan praktikal melalui jaringan alumni korporat dan usahawan. Penilaian prestasi pelajar melalui **TESA, TEX, PROPENS** dan kadar **Graduating On Time (GOT)** membuktikan keberkesanan pendekatan ini, di mana AAGBS mencatat **TESA 95.5%, TEX 95%, PROPENS 93.64%, dan GOT 96% pada 2024** – antara yang tertinggi di UiTM. Di samping itu, sokongan kewangan melalui **Tabung Amanah AAGBS (Bukti 1)** memperkasakan alumni dan pelajar memulakan projek perniagaan. Pendekatan ini menyokong **SDG 8 (Pekerjaan Layak)** dan **SDG 9 (Industri, Inovasi, Infrastruktur)**.

2. Socially Responsible Leaders

Dalam membentuk kepimpinan sosial, AAGBS mengintegrasikan elemen tanggungjawab sosial ke dalam kurikulum dan projek luar kelas. Program seperti **AAGBS Cares, Sentuhan Kasih Ilmu, dan Custodian of the Bins (Bukti 2)** menghubungkan pelajar dengan masyarakat rentan melalui aktiviti CSR, pendidikan komuniti, dan kelestarian alam sekitar. Keberkesanan program ini dipantau melalui laporan impak sosial, *community feedback* dan borang penilaian (SUFO, MKSP, SMARTHEP – Bukti 3). Hasilnya, pelajar bukan sahaja memahami teori kepimpinan sosial, tetapi mampu mengaplikasikan nilai kemanusiaan dalam projek sebenar. Inisiatif ini sejajar dengan **SDG 1 (Penghapusan Kemiskinan), SDG 3 (Kesihatan & Kesejahteraan), dan SDG 11 (Komuniti Mampan)**, serta memperkukuh nilai **Kemanusiaan dan Hormat** dalam Malaysia MADANI.

3. Knowledge Driven Leaders

AAGBS turut menekankan integrasi kepimpinan berasaskan ilmu melalui program akademik dan penyelidikan berimpak. Program seperti **Thesis Bootcamp, Doctoral Colloquium, Defence Research Proposal dan Viva (Bukti 4)** memperkukuh kemahiran metodologi dan penulisan ilmiah pelajar pascasiswazah. Pencapaian penyelidikan dipantau melalui audit kualiti antarabangsa seperti **AACSB Peer Review Visit (Oktober 2024) dan ABEST21 PRT Visit (Ogos 2024) (Bukti 5)**. Data penerbitan pula dianalisis melalui **Google Scholar, WOS, PTAR, dan PRIME** untuk menilai kualiti dan kuantiti hasil penyelidikan. Kejayaan ini membolehkan AAGBS mengekalkan reputasi sebagai fakulti pascasiswazah berprestij dengan graduan berkualiti tinggi (82% pelajar mencapai CGPA ≥ 3.5 pada 2024). Pendekatan ini selaras dengan **SDG 4 (Pendidikan Berkualiti)** dan nilai **Keilmuan & Inovasi** Malaysia MADANI.

4. Pengaruh Alumni & Jaringan Global

Integrasi kepimpinan AAGBS turut diperkuat melalui alumni yang berperanan di peringkat nasional dan antarabangsa. Tokoh seperti **Dato' Sri Dr. Irmohizam** (Parlimen Antarabangsa) dan **Ts. Irme Rafhan** (MDEC) menjadi bukti keberkesanan pendidikan AAGBS dalam melahirkan pemimpin berwawasan global. Melalui jaringan industri, agensi kerajaan, dan universiti antarabangsa, alumni AAGBS memberi impak signifikan terhadap komuniti, negara, dan dunia.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_K01_KB05_20251_Pengurusan Akaun Amanah.pdf](#)
2. [B0078_K01_KB05_20252_Minit Mesyuarat Bil 1 2024.pdf](#)
3. [B0078_K01_KB05_20253_SmartHEP.pdf](#)
4. [B0078_K01_KB05_20254_Bukti 1.5 Research boot camp.pdf](#)
5. [B0078_K01_KB05_20255_Bukti 1.5.5 AACSB.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik merupakan salah satu mekanisma yang digunakan oleh AAGBS untuk mencapai objektif dan inisiatif yang dirancang UiTM. Petunjuk prestasi yang diturunkan kepada AAGBS melalui Pejabat Transformasi Universiti (TRU) dipetakan kepada Sustainable Development Goals (SDG), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi), dan Rancangan Malaysia Ke-12 agar pencapaian AAGBS menjadi lebih bermakna, seiring dengan kehendak universiti, serta sejajar dengan keperluan negeri, negara dan kehendak global.

Pendekatan yang diambil oleh AAGBS adalah selari dengan pelan strategik UiTM 2025 (2020-2025) yang bermatlamat untuk menjadikan UiTM sebagai Global Renowned University, Locally Rooted (GRU 2025) menjelang tahun 2025. AAGBS telah memilih bidang tumpuan (BT) - Pengurusan dan Pembangunan Pelajar sebagai mendukung matlamat GRU 2025 dengan berpandukan kepada Pelan Strategik AAGBS untuk menjadi sebuah Graduate Business School bertaraf global (AAGBS Global Prominence (2023-2025)). 5 Petunjuk Prestasi Utama (PI) telah dipetakan kepada 3 misi penting AAGBS untuk melahirkan pemimpin yang berfikiran keusahawanan (Entrepreneurial Mindset), bertanggungjawab secara sosial (Socially Responsible Leaders), dan pemimpin berteraskan ilmu (Knowledge Driven Leaders).

AAGBS melaksanakan kaedah top-down approach, di mana setiap petunjuk prestasi yang disalurkan oleh Pejabat TRU akan dipanjangkan kepada ketua-ketua jabatan melalui Bengkel Pelan Perancangan Strategik (SAP) yang diadakan setiap hujung tahun. Dalam bengkel ini, setiap jabatan akan membincang dan membangunkan projek serta aktiviti sebagai strategi untuk mencapai PI yang telah ditetapkan. Maklumat berkaitan objektif dan inisiatif universiti turut disampaikan kepada warga AAGBS melalui Amanat Naib Canselor dan Amanat Dekan bagi memastikan keselarasan dengan aspirasi universiti dan fakulti. Projek dan aktiviti yang dirangka dalam bengkel SAP ini kemudiannya dijadikan dokumen pelan tindakan tahunan bagi tujuan pemantauan dan pencapaian PI.

Pemantauan perancangan strategik merupakan aspek penting yang sentiasa diberi penekanan oleh AAGBS. Pemantauan ini dilaksanakan secara sistematik dan berkala bagi memastikan setiap strategi yang dirancang mencapai sasaran yang ditetapkan. Di peringkat universiti, pemantauan dilakukan melalui sistem UePMO dan UiSMS, manakala di peringkat fakulti, ia dikendalikan menerusi mesyuarat pengurusan dengan agenda tetap untuk Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti. Selain itu, daftar risiko turut disediakan bagi memastikan setiap risiko dapat dipantau, dikawal dan diselia dengan berkesan. Tiga kategori impak risiko telah dikenal pasti bagi Bidang Tumpuan (BT) yang dipilih, iaitu pelaksanaan projek, risiko kewangan, dan risiko pengurusan maklumat.

Tindakan penambahbaikan di AAGBS dilaksanakan melalui Unit Pengurusan Kualiti secaraamnya. Unit Pengurusan Kualiti melaksanakan pemantauan melalui proses audit dalam dan luaran. Manakala, penambahbaikan dilaksanakan melalui pelaporan penemuan audit dalam MKSP bagi tindakan penambahbaikan dan pembetulan yang menjurus kepada kecemerlangan organisasi. Pelaksanaan program/aktiviti/projek dipantau oleh ketua-ketua unit dengan dibantu oleh penyelarasan dan ketua projek. Penambahbaikan berterusan juga dijalankan melalui Bengkel Pelan Perancangan Strategik (SAP) di mana, pencapaian prestasi AAGBS tahun sebelumnya dibincangkan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dan kaedah untuk menambah baik operasi dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan demi kecemerlangan bidang tumpuan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Teras strategik UiTM 2025 iaitu Pendidikan Berkualiti menjadi rujukan utama di dalam merangka Pelan Strategik Pembangunan Pelajar di AAGBS. Fokus perancangan strategik ini terhasil dari keutamaan kepada penghayatan kepada objektif strategik (OS) UiTM iaitu menyediakan pendidikan bertaraf dunia (OS-2), menghasilkan graduan bersifat global yang seimbang dan berciri keusahawanan (OS-4) dan peningkatan penghayatan nilai melalui program pengukuhan UiTM (OS-5). AAGBS menjadikan global responsible leaders for business and society sebagai misi utama dengan memberi fokus kepada pendekatan yang seiring dengan pembangunan pelajar di UiTM (Bukti 2.2.1). Pelan Perancangan Strategik AAGBS menyokong hasrat UiTM untuk menjadi Globally Renowned University (GRU) pada tahun 2025.

Untuk menyokong kedua-dua objektif strategik OS-4 dan OS-5 UiTM, khususnya dalam aspek pembangunan pelajar berteraskan tiga (3) keberhasilan utama: entrepreneurial mindset, socially responsible leaders, dan knowledge-driven leaders, serta selari dengan misi AAGBS: Connect with Industry, Engage with Community, dan Advance in Knowledge, AAGBS telah menggariskan Petunjuk Prestasi (PI) yang telah diturunkan sebagai sasaran. (Bukti 2.2.2)

PI019 Number of alumni successfully became entrepreneurs

1. **PI037 Number of students involved in invention and innovation activities**
2. **PI080 Number of alumni expert service programme**
3. **PI084 Number of international programmes/ activities for active MoU/ MoA**
4. **PI086 Number of activity related to ESI-iDART.**

Sasaran dan objektif diturunkan daripada UiTM dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan dan disalurkan kepada ketua-ketua jabatan. Proses pencapaian PI direalisasikan dengan pelbagai projek dan inisiatif yang telah dibincangkan dan dibangunkan semasa Bengkel Pelan Strategik. Setiap ketua jabatan akan merancang program/aktiviti yang bakal diadakan untuk membolehkan PI dicapai. Bengkel tersebut akan diadakan setiap hujung tahun dan dilaksanakan secara inklusif, melibatkan semua staf akademik, staf sokongan, dan profesor kontrak secara langsung; manakala pemegang taruh lain seperti pelajar, alumni dan rakan strategik industri dan universiti antarabangsa secara tidak langsung melalui perbincangan berasingan secara maya dan fizikal. (Bukti 2.2.3)

Perkongsian maklumat berkenaan program/aktiviti disampaikan pada hari terakhir bengkel dengan pengesahan Dekan dan barisan pengurusan kanan. Pencapaian program/aktiviti dipantau melalui UePMO, UiSMS dan pemantauan bulan oleh PSTU AAGBS pada Mesyuarat Pengurusan (Bukti 2.2.4). Disamping itu pencapaian semasa juga dihebahkan kepada seluruh warga AAGBS di Mesyuarat Akademik. Ia menjadi agenda utama yang dibentangkan pada setiap mesyuarat tersebut. Ini bertujuan untuk memastikan seluruh warga AAGBS mengetahui pencapaian semasa pelan strategik dan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil untuk memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai. AAGBS selalu memastikan sumber digerakkan secara cekap dan berkesan dalam memastikan sasaran dan KPI yang ditetapkan dapat dicapai. Peringatan tentang penghayatan perancangan strategik kepada warga AAGBS juga dibuat di dalam Mesyuarat Akademik (Bukti 2.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_P01_PB02_20251_Bukti 2.2.2.pdf](#)

2. [B0078_P01_PB02_20252_Bukti 2.2.3.pdf](#)
3. [B0078_P01_PB02_20253_Bukti 2.2.4.pdf](#)
4. [B0078_P01_PB02_20254_Bukti 2.2.5.pdf](#)
- 5.

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Proses perluasan objektif dan inisiatif strategik AAGBS yang menjurus kepada BT – pengurusan dan pembangunan pelajar berfokus dengan 3 tema utama: entrepreneurial mindset, socially responsible leaders, dan knowledge-driven leaders.

Dalam melahirkan graduan dengan entrepreneurial mindset selari dengan misi AAGBS-Connect with Industry, beberapa inisiatif berikut telah dilaksanakan: (Bukt 2.3.1)

1. Bengkel dan latihan khusus yang mengajarkan pelajar tentang prinsip-prinsip asas keusahawanan, inovasi, pengurusan risiko, dan strategi perniagaan. (Contoh program; “Strategic Insights 2024 - Mydin Mohamed Holdings Berhad”, “The Power of Knowledge Management: Transforming Talent in a Competitive Workforce”)
2. Sesi Mentoring dengan Usahawan Alumni dengan menghubungkan pelajar dan alumni yang telah berjaya dalam bidang keusahawanan sebagai mentor. (Contoh program; Coaching for Success)
3. Menjalankan projek kolaborasi dengan syarikat-syarikat industri untuk memberi pelajar peluang untuk belajar dan bekerja dalam persekitaran perniagaan sebenar. (Contoh program; “Industry Engagement: Global Strategy Business perspectives Bateriku.com”)

Dalam membentuk pemimpin bertanggungjawab secara social socially responsible leaders selari dengan misi AAGBS-Engage with Community, beberapa inisiatif berikut telah dilaksanakan: (Bukti 2.3.2)

1. Menyediakan program pembangunan kepimpinan yang memberi tumpuan kepada kemahiran kepimpinan yang bertanggungjawab, etika perniagaan, dan tanggungjawab sosial korporat (CSR). (Contoh program; “The Great Team Pursuit”, “AAGBS Cares Mobilizing Compassion for Collective Good”)
2. Penglibatan pelajar dan alumni dalam inisiatif CSR seperti program kebajikan, penyelesaian masalah masyarakat, dan inisiatif pembangunan komuniti yang memberi manfaat kepada komuniti. (Contoh program; “Custodian of the Bins”, “Keluarga Bahagia, Komuniti Sejahtera” with Program Perumahan Rakyat (PPR) HICOM Shah Alam in collaboration with Think City”)
3. Menjalin kerjasama dengan pemimpin-pemimpin yang terkenal yang telah berjaya dalam mengintegrasikan tanggungjawab sosial dalam kepimpinan mereka. (Contoh program; “Industrial Visit - Persatuan Pengasih Malaysia”, “Exploring Humanitarian Activities Toward Achieving Sustainable Development Goals”).

Dalam mempertingkatkan pemimpin yang berteraskan ilmu knowledge-driven leaders selari dengan misi AAGBS- Advance in Knowledge, beberapa inisiatif berikut telah dilaksanakan: (Bukti 2.3.3)

1. Menyediakan kursus dan program yang memberi penekanan kepada penguasaan pengetahuan dalam bidang terpilih, serta membangunkan kemahiran untuk mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam situasi sebenar. (Contoh program; “Research Bootcamp”, “Industrial Field Trip to SibelCo Malaysia Sdn Bhd for Operations and Supply Chain Management.”)
2. Melibatkan pelajar dalam projek-projek penyelidikan yang memberi mereka peluang untuk membangunkan kemahiran dalam penyelidikan akademik, analisis data, dan penyelesaian masalah. (Contoh program; “Doctoral Student Research Secondment, ODDEA Project in Poland. Hungarv and Montenegro. 2023-2024”)

3. Mengundang pakar industri dan akademik untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman terkini mengenai trend dan perkembangan dalam bidang tertentu. (Contoh program; “Cases of Technology in Service, Information Technology Operations and National Technology Policy”, “Generating Ideas & Enhance Critical & Creative Thinking Through Artificial Intelligence”)

Kesimpulannya, AAGBS giat menjalin kerjasama dengan industri dan NGO dalam serta luar negara bagi menyokong hasrat UiTM melahirkan graduan global, seimbang dan berteraskan keusahawanan. Objektif dan inisiatif Universiti disampaikan melalui Amanat Naib Canselor dan Dekan, lalu diterjemahkan dalam bentuk program melalui Bengkel Pelan Strategik. Pemantauan dilakukan secara berkala melalui sistem UePMO, UiSMS dan Mesyuarat Pengurusan bulanan oleh PSTU AAGBS (Bukti 2.3.4). Semakan pertengahan tahun turut diadakan bagi menilai kemajuan dan menyesuaikan program demi memastikan sasaran strategik dicapai.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_P01_PB03_20251_Bukti 2.3.1.pdf](#)
2. [B0078_P01_PB03_20252_Bukti 2.3.2.pdf](#)
3. [B0078_P01_PB03_20253_Bukti 2.3.3.pdf](#)
4. [B0078_P01_PB03_20254_Bukti 2.3.4.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan strategik AAGBS dipantau secara sistematik dan berkala dengan kaedah pemantauan secara tahunan, suku tahun, dan bulanan. AAGBS memastikan inisiatif strategik pembangunan pelajar yang telah dikenal pasti, melalui pemantauan yang teliti supaya sasaran perancangan strategik tercapai. Permulaan kepada usaha ini dibuat pada bengkel perancangan strategik dengan mengariskan projek-projek yang bakal dilaksanakan dibawah setiap unit di AAGBS. Perancangan pemantauan melibatkan projek-projek yang bakal dilaksanakan, tempoh masa, bajet, dan pegawai yang terlibat. mengariskan aktiviti-aktiviti pembangunan dan pengurusan pelajari di AAGBS. Aktiviti-aktiviti ini seterusnya dipantau dengan membentuk Strategic Action Plan (SAP) Task Force -Activity Blue Print yang memperincikan maklumat seperti aktiviti-aktiviti yang dirancang, tempoh masa projek, anggaran kos, dan pensyarah yang dipertanggungjawabkan (Bukti 2.4.1.1).

Sebagai kaedah pemantauan, penyelarasan perancangan strategik di AAGBS akan menghantar laporan pencapaian bulanan keseluruhan AAGBS kepada Pejabat Transformasi Universiti (TRU) melalui sistem UePMO setelah disahkan oleh Dekan. Di peringkat TRU UiTM pula, pemantauan pencapaian dibuat pada setiap suku tahun. Dibawah pemantauan ketua jabatan HEP dan ICAN, jumlah aktiviti staf, pelajar dan alumni AAGBS dilaporkan kepada ICAN dan BHEP melalui sistem SMART dan SmartHEP. (Bukti 2.4.1.2)

AAGBS juga menggunakan media sosial seperti Facebook dan Instagram untuk menyebarkan maklumat terkini tentang program pembangunan dan pengurusan pelajar, seperti program webinar, industrial visit, talk, seminar dan lain-lain lagi (Bukti 2.4.1.3). Selain itu, peluang Doctoral Student Research Secondment di negara Eropah Timur juga dihebahkan melalui platform ini (Bukti 2.4.1.4). Seluruh aktiviti ini adalah untuk membangunkan pelajar dan memastikan bahawa mereka mendapat peluang pembelajaran yang berharga dan menghasilkan pemimpin yang berminda keusahawanan, bertanggungjawab sosial dan berasaskan pengetahuan.

Selain itu, AAGBS menerbitkan e-Bulletin melalui laman web rasminya sebagai medium penyebaran maklumat berkaitan projek dan pencapaiannya. Inisiatif ini memastikan maklumat sampai kepada pihak berkepentingan dan masyarakat secara meluas. Di samping itu, Annual Corporate Report AAGBS turut digunakan untuk memaparkan pencapaian tahunan, memberi gambaran menyeluruh tentang usaha AAGBS dalam pembangunan pendidikan dan modal insan di Malaysia, serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan AAGBS dalam agenda nasional tersebut. (Bukti 2.4.1.5)

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_P01_PB04_PC01_20251_Bukti_2.4.1.1.pdf](#)
2. [B0078_P01_PB04_PC01_20252_Bukti_2.4.1.2.pdf](#)
3. [B0078_P01_PB04_PC01_20253_Bukti_2.4.1.3.pdf](#)
4. [B0078_P01_PB04_PC01_20254_Bukti_2.4.1.4.pdf](#)
5. [B0078_P01_PB04_PC01_20255_Bukti_2.4.1.5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ditubuhkan bagi memastikan segala risiko berkaitan aspek operasi utama AAGBS dapat dikawal selia dengan berkesan (Bukti 2.4.2.1). Jawatankuasa ini yang terdiri oleh barisan pengurusan kanan fakulti dan dipantau oleh seorang penyelarar pengurusan risiko, berperanan memberi kesedaran kepada warga AAGBS berkaitan kepentingan pengurusan risiko yang berkesan bagi menghasilkan proses kerja yang mantap, efisien serta efektif. Penilaian risiko bermula dari penetapan inisiatif strategik sehinggalah pelaksanaan projek. Setiap risiko dinilai dari segi impaknya kepada AAGBS dan tiga kategori impak risiko dikenalpasti iaitu pelaksanaan projek, risiko kewangan dan risiko pengurusan maklumat. (Bukti 2.4.2.2).

Risiko pelaksanaan projek merangkumi kertas kerja tidak lengkap, tidak menepati SOP yang betul, peruntukan dana yang terhad dan kurang sambutan pelajar. Impak daripada risiko ini menjejaskan pelaksanaan fizikal projek dan pencapaian peyunjuk prestasi di peringkat fakulti. Langkah mitigasi diambil dengan memastikan kertas kerja dihantar lengkap, berkualiti dan memberi impak kepada komuniti disamping menolong kepada pencapaian PI AAGBS.

Risiko kewangan seperti kelewatan dana boleh menjejaskan pelaksanaan program. AAGBS bertindak proaktif dengan menyediakan dana pendahuluan berdasarkan keperluan dan kedudukan kewangan semasa, serta menggalakkan kerjasama luar melalui pembiayaan atau sumbangan “in-kind” bagi mengurangkan beban kewangan.

Risiko pengurusan maklumat melibatkan pengurusan data yang tidak sistematik menyebabkan kurang pelaporan dalam laporan petunjuk prestasi. Pelan mitigasi dipraktikkan dengan pemantauan yang lebih teliti dalam melaporkan pengurusan projek dan data di dalam sistem UiSMS sebagai strategi jangka panjang untuk mengatasi masalah ini. Sistem ini dipantau oleh PSTU AAGBS secara berterusan (Bukti 2.4.2.3).

Pengurusan dan pemantauan risiko di AAGBS menggunakan sistem eRMS UiTM dibahagi kepada empat (4) tahap iaitu Tahap Rendah, Sederhana, Tinggi dan Kritikal. Pengkelasan ini ditentukan berdasarkan kemungkinan kejadian yang tidak diingini dengan jangka masa atau keadaan tertentu dan kesan terhadap pelaksanaan operasi. Pelan mitigasi turut dirancang dan dilaksanakan secara menyeluruh dalam menangani risiko. Risiko yang terlibat didaftarkan dalam Sistem eRMS dan UiSMS (Bukti 2.4.2.4). Penambahbaikan dilaksanakan melalui maklum balas pelanggan dan penemuan yang dilaporkan bagi mengelakkan kejadian sama berulang kembali.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_P01_PB04_PC02_20251_Bukti_2.4.2.1.pdf](#)
2. [B0078_P01_PB04_PC02_20252_Bukti_2.4.2.2.pdf](#)
3. [B0078_P01_PB04_PC02_20253_Bukti_2.4.2.3.pdf](#)
4. [B0078_P01_PB04_PC02_20254_Bukti_2.4.2.4.pdf](#)
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pada amnya kajian semula di AAGBS dibuat secara berterusan bermula dengan Penyelaras Perancangan Strategik AAGBS yang mengemaskini maklumat-maklumat kemajuan baru kepada Pejabat TRU. Tujuan kaji semula ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan dan kelemahan perancangan strategik yang dilaksanakan di AAGBS. Dengan melakukan kajian semula ini, pihak pengurusan dapat mengambil tindakan yang diperlukan untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi organisasi.

Oleh itu, pengurusan kanan AAGBS sentiasa menyebarkan maklumat kepada ketua jabatan dan unit mengenai dapatan atau saranan yang diperolehi semasa menghadiri mesyuarat di peringkat universiti, bersama industri, kerajaan atau industri luar. Delegasi tugas ditentukan semasa mesyuarat, bengkel dan kajian semula setiap pertengahan tahu untuk tindakan pihak berkenaan.

Bengkel perancangan strategik AAGBS tahunan, yang disertai oleh semua staf akademik dan pentadbir, menyediakan platform untuk menilai pencapaian inisiatif dan PI AAGBS (Bukti 2.4.3.1). Melalui sesi ini, setiap jabatan di AAGBS dapat berkongsi maklum balas tentang isu dan aktiviti operasi mereka, dan cadangan penambahbaikan dapat dikemukakan.

Selain itu, mesyuarat pengurusan bulanan juga diadakan untuk mengemaskini isu dan aktiviti operasi di seluruh unit di AAGBS (Bukti 2.4.3.2). Dalam mesyuarat ini, pencapaian perancangan strategik akan dikaji semula dan tindakan pembedahan dapat diambil jika diperlukan. Ini memastikan bahawa perancangan strategik di AAGBS sentiasa relevan dan disesuaikan dengan perubahan dalam industri dan persekitaran perniagaan.

Proses kaji semula ini juga membolehkan AAGBS memastikan pematuhan terhadap perancangan strategik khususnya untuk BT pengurusan dan pembangunan pelajar. Dengan melakukan penilaian dan penambahbaikan berterusan, AAGBS dapat terus meningkatkan prestasi organisasi dan mencapai matlamat strategik yang ditetapkan (Bukti 2.4.3.3).

Memandangkan saiz fakulti yang kecil, AAGBS mengurus data secara sistematik dengan menggunakan aplikasi excel oleh PSTU yang dilantik. PSTU akan menyelaras tetapi setiap jabatan bertanggungjawab ke atas pencapaian jabatan masing-masing serta pencapaian prestasi AAGBS secara keseluruhan. Data yang dilaporkan akan dibandingkan dengan data pencapaian dari Pejabat TRU sebelum laporan kepada pengurusan UiTM dibentangkan. Selain itu, pemantauan pelaksanaan projek dalam sistem UiSMS dapat memastikan projek yang dirancang berjalan dengan lancar. Pelaksanaan projek dipantau dari segi peratus pelaksanaan dalam sistem UiSMS oleh ketua projek masing-masing secara berterusan dan analisis dilakukan dalam memastikan projek berjalan seperti yang telah dirancang dan tindakan penambahbaikan dikenal pasti jika perlu. (Bukti 2.4.3.4).

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_P01_PB04_PC03_20251_Bukti_2.4.3.1.pdf](#)
2. [B0078_P01_PB04_PC03_20252_Bukti_2.4.3.2.pdf](#)
3. [B0078_P01_PB04_PC03_20253_Bukti_2.4.3.3.pdf](#)
4. [B0078_P01_PB04_PC03_20254_Bukti_2.4.3.4.pdf](#)
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi yang merujuk kepada tahap pembudayaan yang terhasil dari pelaksanaan dan penambahbaikan perancangan strategik menjurus kepada bidang tumpuan telah direalisasikan di AAGBS, negeri, kebangsaan dan kebangsaan. Keberhasilan yang dapat ditampilkan adalah alumni AAGBS yang berjaya di bidang masing-masing, memegang jawatan tinggi di organisasi dan memiliki perniagaan yang berjaya. Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Haji Ibrahim merupakan bekas pelajar EMBA AAGBS bukan hanya memegang jawatan penting sebagai Pengarah Urusan Kumpulan, World Trade Centre Kuala Lumpur. Beliau juga telah berjaya memenangi berbagai penghargaan di peringkat negara dan antarabangsa seperti Rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai Pengerusi Konvensyen dan Pameran (C&E) Majlis Anggota Penasihat (MAC), Penghormatan 100 Tokoh Awam Terbaik Dunia, Anugerah Kepimpinan Terbilang, The BrandLaureate Bumiputera Brand ICON Leadership Award, World Digital Economy Corporate CEO Lifetime Achievement dan lain-lain. Seorang lagi alumni AAGBS, Ir Dr. Megat Zuhairy Megat Tajuddin, Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara Majlis Keselamatan Negara, JPM merupakan bekas pelajar doktoral AAGBS, kini memegang jawatan sebagai Pengerusi, NACMA. (Bukti 2.5.1)

Hubungan Jangka Panjang dengan Industri dapat memperkuat hubungan dengan industri melalui kerjasama yang berterusan, projek bersama, dan penglibatan dalam perancangan strategik industri. AAGBS telah melantik beberapa ahli Lembaga Penasihat pada November 2023. Pelantikan ini melibatkan integrasi individu berpengaruh dalam ekosistem akademik dan keusahawanan AAGBS, memperkukuhkan hala tuju strategik institusi. Antara mereka adalah Tan Sri Dr. Bashir Ahmad Abdul Majid; Pengerusi Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid; Chief Executive, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN); Datin Sainursalwa Sani, Chief Human Resource Officer of Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Dr. Jackie Rees, Dean of Business Faculty, Ohio University. (Bukti 2.5.2)

Beberapa kursus diberi penekanan kepada aktiviti kepimpinan sosial sebagai sebahagian daripada kurikulum utama di AAGBS. Kursus yang dimaksudkan adalah MGT783: Leadership and Managing Talent; dan MGT784: Knowledge Management. Melalui kursus ini, pelbagai program/aktiviti telah dilaksanakan yang memberi manfaat kepada pelajar dan impak kepada komuniti setempat. Program "The Great Team Pursuit" telah melaksanakan program di Sekolah Kebangsaan Seafield USJ 8 yang berhadapan dengan masalah ketidakhadiran pelajar yang serius. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada murid sekolah mengenai pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah serta pembuatan keputusan secara proaktif. Satu lagi program iaitu "Keluarga Bahagia, Komuniti Sejahtera" bersama komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) HICOM Shah Alam telah dilaksanakan dengan kerjasama syarikat swasta, Think City. Latihan berfokus kepada pembuatan sabun daripada minyak masak terpakai, bukan sahaja memberi inspirasi untuk menjana pendapatan melalui perniagaan, malah menyokong inisiatif kelestarian alam sekitar dalam menangani isu perubahan iklim. (Bukti 2.5.3)

Pembudayaan pelaksanaan inisiatif strategik dalam pengurusan dan pembangunan pelajar telah menampakkan hasil graduan yang lebih bertanggung jawab sosial. Ini dengan pelbagai penglibatan sukarelawan di dalam projek seperti pembersihan pantai di Pulau Perhentian Kecil, Terengganu melalui program "Custodian of the Bins"; dan penyediaan sudut membaca di Rumah Kebajikan Anak Yatim, di Kuang, Selangor melalui program "Sentuhan Kasih Ilmu" (Bukti 2.5.4).

Penglibatan pelajar dalam penghayatan pengurusan dan pembangunan pelajar, mencerminkan keberkesanan pembudayaan pelan strategik AAGBS untuk melahirkan graduan yang mempunyai entrepreneurial mindset, socially responsible leaders, dan knowledge-driven leaders.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_P01_PB05_20251_Bukti 2.5.1.pdf](#)
2. [B0078_P01_PB05_20252_Bukti 2.5.2.pdf](#)
3. [B0078_P01_PB05_20253_Bukti 2.5.3.pdf](#)
4. [B0078_P01_PB05_20254_Bukti 2.5.4.pdf](#)
5. [B0078_P01_PB05_20255_Bukti 2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fokus pengurusan dan pembangunan pelajar dipilih berdasarkan kerangka strategik yang mengintegrasikan dasar universiti, kebangsaan, dan trend global. Ia sejajar dengan **Tema Strategik 2: Graduan Seimbang dan Berciri Keusahawanan** di bawah Pelan Strategik UiTM 2025, selaras dengan motto AAGBS “*Connect, Engage and Advance*” serta nilai “*Agile, Collaborative, Innovative and Responsible*.” Tumpuan diberikan kepada hubungan dengan industri (**Entrepreneurial Mindset Leader**), penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan (**Socially Responsible Leader**), dan perkongsian ilmu (**Knowledge Driven Leader**) dengan penekanan kepada **penglibatan (engagement), keterangkuman (inclusivity) dan komunikasi** yang berkesan.

AAGBS memberi fokus kepada pembangunan pelajar melalui jaringan industri, penglibatan masyarakat menerusi **ASAS (AAGBS Student Association)**, serta program **Sarjana Berkembar (Dual Master) dengan HFT Stuttgart**, dengan sasaran **90% kebolehpasaran graduan dan 10% berdaya saing di peringkat global**. Usaha ini memperkukuh minda global dan pengalaman pembelajaran seimbang agar kepimpinan, kemahiran, serta daya saing pelajar meningkat sejajar dengan perkembangan digital. Program Sarjana Berkembar turut membina kemahiran melalui sistem pembelajaran kondusif, pengalaman kampus yang selamat, **inklusif** dan berintegriti, seterusnya melahirkan graduan yang seimbang dan kompeten.

Sebagai pemegang taruh utama UiTM, pelajar adalah pelanggan utama AAGBS. Melalui **Model PDCA (Plan, Do, Check, Act)**, AAGBS memastikan kehendak mereka dipenuhi dengan prinsip **akauntabiliti** yang jelas. Pada fasa *Plan*, pelajar dikenal pasti dan diklasifikasikan untuk strategi sesuai. Data dikumpul untuk penambahbaikan berkala. Pada fasa *Do*, aktiviti dipastikan mencapai matlamat dengan pemantauan rapi serta pengurusan risiko (**risk management**) sistematik. Tahun 2023 menyaksikan AAGBS memperkukuh usahasama sedia ada dan memeterai beberapa MoU baharu dengan industri serta universiti antarabangsa, memastikan pembangunan pelajar kekal relevan.

Kerjasama pensyarah dan unit sokongan menjadi teras kejayaan AAGBS. Prinsip **delegation** diaplikasikan dengan baik, manakala **pemeriksaan (empowerment)** diberi kepada pasukan pelaksana untuk memastikan keberkesanan setiap inisiatif. **Unit Jaringan Industri & Antarabangsa (JIA)** berperanan mengurus komunikasi korporat, hubungan antarabangsa, promosi program sarjana berkembar, serta kerjasama dengan rakan industri dan universiti luar negara. Mesyuarat komiti pemantau dijalankan secara berkala dengan menitikberatkan **integriti dan akauntabiliti**, memastikan pencapaian selaras dengan kriteria AAGBS dan UiTM.

Selain akademik, pembangunan pelajar turut diperkukuh melalui **ASAS** sebagai platform kepimpinan, jaringan industri dan alumni, serta pembangunan sahsiah. ASAS menjadi jambatan **komunikasi** antara pelajar dan pengurusan AAGBS, di samping menganjurkan bengkel kerjaya, sesi bersama alumni, aktiviti CSR, dan program lain. Inisiatif ini mengutamakan **penglibatan (engagement), keterangkuman (inclusivity), dan pemeriksaan (empowerment)** pelajar dalam menyumbang kepada komuniti.

Keseluruhannya, pendekatan AAGBS menyokong pembangunan holistik pelajar, melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga berdaya kepimpinan, beretika, berintegriti, mempunyai **akauntabiliti**, serta bersedia menghadapi cabaran global sebagai **Knowledge Driven Leaders**.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan dan pembangunan pelajar adalah aspek penting dalam pendidikan kerana ia bukan sahaja memberi pengetahuan akademik, tetapi juga membentuk kemahiran kritis, penyelesaian masalah, **komunikasi**, kepimpinan, kerja berpasukan dan pengurusan masa. Kemahiran ini penting bagi melahirkan graduan yang berjaya serta berdaya saing dengan pemikiran keusahawanan.

Sejajar dengan aspirasi UiTM ke peringkat global, AAGBS memulakan program **pertukaran pelajar dengan HFT Stuttgart** pada 2013 selepas termeterainya MoU pada 2012 (Bukti 3.2.01). Program ini selaras dengan amanat KPT 2012: "*Berfikiran Global, Bertindak Lokal.*" Kejayaan mobiliti ini membuka jalan kepada **program sarjana berkembar** pada 2016 melibatkan MBA sepenuh masa (AA700) dan separuh masa (AA701). Program ini membolehkan pelajar AAGBS dan HFT Stuttgart dimobiliti setiap tahun (**Bukti 3.2.01**), sekali gus meningkatkan **penglibatan** akademik dan budaya antara dua universiti.

Titik penting dicapai dengan MoA bersama HFT Stuttgart pada 2018 dan 2022 (**Bukti 3.2.02**), memperkukuh program sarjana berkembar yang menghasilkan dua ijazah serentak:

- **AAGBS**: Master in Business Administration
- **HFT Stuttgart**: Master in General Management

Selaras dengan **Pelan Strategik UiTM 2025**, kerjasama ini memperkasakan kecemerlangan global, memperkayakan pengalaman antarabangsa, dan menekankan **keterlibatan** dalam pembelajaran merentas budaya. Selain itu, AAGBS menandatangani MoU dengan Cardiff University pada 2023 (**Bukti 3.2.02**) bagi membuka peluang perkongsian kepakaran, **komunikasi ilmiah**, dan pembelajaran global.

Selain program akademik, pembangunan pelajar turut dilaksanakan melalui kursus dan aktiviti dikendalikan pensyarah sebagai penasihat. Program ini membina potensi diri pelajar untuk menghadapi cabaran pekerjaan sebenar serta memahami isu masyarakat dari sudut perniagaan dengan memberi ruang kepada pemerksaan pelajar untuk mengambil peranan aktif.

Peranan **ASAS (AAGBS Student Association)** juga sangat signifikan. Sebagai platform kepimpinan pelajar pascasiswazah, ASAS menganjurkan program mentor-mentee bersama alumni, dialog industri, dan aktiviti pembangunan sendiri untuk melahirkan **Entrepreneurial Mindset** dan **Knowledge Driven Leader**. Kepimpinan ASAS yang dipilih melalui proses temuduga dan pengundian memberi peluang kepada pelajar untuk merasai proses **penglibatan (engagement)**, **keterangkuman (inclusivity)**, dan **pemerksaan (empowerment)** di samping mempraktikkan kemahiran **komunikasi** dan kerja berpasukan (**Bukti 3.2.03**).

3.2.1 Kumpulan Sasar

Mekanisme **komunikasi** dengan pelajar diwujudkan melalui poster hebahan program sarjana berkembar yang disebarkan setiap semester di platform media sosial AAGBS (**Bukti 3.2.04**). Langkah ini memastikan maklumat sampai kepada kumpulan sasaran, meningkatkan minat penyertaan, serta memperkukuh **penglibatan para** pelajar.

Dengan termeterainya siri MoU dan MoA bersama HFT Stuttgart, AAGBS bukan sahaja mengukuhkan mobiliti pelajar tetapi juga mewujudkan perkongsian ilmu bersama pensyarah pelawat antarabangsa. Usaha ini memperkayakan persekitaran pembelajaran, memperkukuh jaringan global, dan membantu pelajar membina kepimpinan serta kerjasama rentas budaya untuk menjadi **Knowledge Driven Leaders**.

Akhir sekali, pelajar pascasiswazah yang aktif dalam ASAS bukan sekadar peserta tetapi juga **perancang dan pelaksana** program, sekali gus meningkatkan kemahiran insaniah,

komunikasi, serta kebolehan pengurusan organisasi. Data penglibatan mereka (**Bukti 3.2.05**) dianalisis untuk menilai impak pembangunan pelajar dan potensi kepimpinan yang boleh diketengahkan, dengan penekanan kepada **pemeriksaan** dan **keterangkuman** dalam setiap inisiatif.

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_T01_TB02_20251_Bukti 3.2.01.pdf](#)
2. [B0078_T01_TB02_20252_Bukti 3.2.02.pdf](#)
3. [B0078_T01_TB02_20253_Bukti 3.2.03.pdf](#)
4. [B0078_T01_TB02_20254_Bukti 3.2.04.pdf](#)
5. [B0078_T01_TB02_20255_Bukti 3.2.05.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

3.3.1 Pengurusan Melibatkan Kumpulan Sasar

Untuk **program sarjana berkembar** AAGBS–HFT Stuttgart, pelajar sebagai pelanggan dikenal pasti, dipilih dan ditentukan kesesuaiannya melalui MoU dan hebahan awal. Dua kategori terlibat ialah pelajar **inbound** dan **outbound**. AAGBS mewujudkan **prosedur mobiliti pelajar inbound (Bukti 3.3.01)** dan **outbound (Bukti 3.3.01)** serta **carta aliran pengurusan (Bukti 3.3.03)** sebagai mekanisme memproses dan menyimpan data. Carta aliran ini mewakili secara visual urutan langkah pelajar dan AAGBS, sekali gus membolehkan analisis, pengurangan ketidakcekapan dan peningkatan produktiviti bagi memenuhi kehendak pelajar.

Bagi **program pembangunan pelajar lain** seperti CSR atau bual bicara industri, pelajar dikenal pasti melalui kursus tertentu di bawah pensyarah. Kursus-kursus AAGBS direka berdasarkan keperluan semasa industri untuk memastikan pendedahan kepada situasi pekerjaan sebenar.

3.3.2 Mekanisme Kenalpasti, Pengumpulan dan Penyimpanan Data Pelanggan

Pelaksanaan program sarjana berkembar melibatkan proses teratur:

1. **Semakan pelan pengajian** pertukaran pelajar mengikut semester (Bukti 3.3.02).
2. Pelajar MBA AA700 dikenal pasti melalui surat/email minat (Bukti 3.3.02).
3. Calon berpotensi disenarai pendek untuk **temuduga**.
4. Pelajar berjaya dimaklumkan melalui **surat rasmi AAGBS (Bukti 3.3.02)**.
5. Permohonan rasmi ke luar negara difailkan melalui **Office of International Affairs (OIA)** dengan bantuan AAGBS (Bukti 3.3.02).
6. Pelajar menerima **kelulusan OIA (Bukti 3.3.02)** sebelum menyertai program di HFT Stuttgart.

Selepas permohonan selesai, data pelajar disimpan dalam **pangkalan data inbound dan outbound (Bukti 3.3.04)** yang berfungsi sebagai rekod dan pemantauan maklum balas pelanggan sejak 2013–2023. Jumlah keseluruhan pelajar turut direkodkan untuk memantau keberhasilan program. Pemantauan lanjut dilakukan melalui **mesyuarat Jaringan Industri dan Antarabangsa (JIA)**, dengan minit mesyuarat direkodkan (**Bukti 3.3.04**).

Bagi **program pembangunan pelajar kursus tertentu**, proses bermula dengan **borang permohonan** yang menyatakan objektif dan faedah program (**Bukti 3.3.04**). Selepas tamat, pelajar perlu menyediakan **laporan akhir** untuk menilai kesan dan memastikan Outcome Based Learning (OBE) tercapai.

Bagi program anjuran **ASAS**, pelaksanaan juga mengikut mekanisme tersusun. Setiap cadangan program memerlukan **borang permohonan/kertas kerja (Bukti 3.3.05)** yang disemak penasihat fakulti sebelum **surat kelulusan rasmi dikeluarkan (Bukti 3.3.05)**. Minit mesyuarat direkodkan dan disimpan dalam **Google Drive rasmi ASAS (Bukti 3.3.05)**. Selepas pelaksanaan, setiausaha program menyediakan **laporan akhir** sebagai dokumentasi dan audit dalaman.

Pendekatan ini memperkukuh penyimpanan data pelanggan serta membudayakan **tata kelola pelajar yang profesional dan sistematik** pada setiap peringkat.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078 T01 TB03 20251 Bukti 3.3.01.pdf](#)

-
2. [B0078_T01_TB03_20252_Bukti 3.3.02.pdf](#)
 3. [B0078_T01_TB03_20253_Bukti 3.3.03.pdf](#)
 4. [B0078_T01_TB03_20254_Bukti 3.3.04.pdf](#)
 5. [B0078_T01_TB03_20255_Bukti 3.3.05.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Program pertukaran pelajar antara **AAGBS dan HFT Stuttgart** bermula pada 2013 telah membuka banyak manfaat kepada pelajar. Pada 2016, kerjasama ini diperluas melalui **program sarjana berkembar** yang membolehkan pelajar memperoleh dua ijazah serentak. Program ini selaras dengan hasrat UiTM untuk mencapai **90% kebolehpasaran graduan menjelang 2025**.

Bukti 3.4.01 menunjukkan pelajar mendapat pengalaman pembelajaran berbeza antara dua universiti, memperluas pandangan terhadap ekonomi, proses perniagaan dan teknologi. Pengetahuan ini menjadi nilai tambah dalam kerjaya, melahirkan **Entrepreneurial Mindset Leader**. Program ini juga membangunkan kemahiran komprehensif, menggabungkan akademik, emosi dan sosial, sekaligus menyediakan graduan yang serba lengkap dengan peluang kerjaya luas di dalam dan luar negara.

Selain akademik, pelajar berpeluang membina **jejaring profesional** bersama rakan sebaya, fakulti dan pakar industri. Hubungan ini membuka kerjasama masa depan serta meningkatkan daya saing global sejajar dengan misi UiTM 2025.

Bagi memperkukuh pembangunan holistik, AAGBS melaksanakan pelbagai **program inovatif**. Antaranya **Sesi Bicara Kepimpinan (Bukti 3.4.02)** bersama tokoh industri yang memberi pendedahan kepada realiti dunia profesional, membentuk pelajar berkeyakinan dan berintegriti. Pelajar turut dilibatkan dalam inisiatif berkaitan **Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs)** yang mendidik tentang peranan perniagaan dalam kelestarian global.

Melalui **Talent Talk (Bukti 3.4.02)**, pelajar didedahkan kepada pandangan pakar mengenai persediaan menghadapi pasaran kerja yang dinamik, manakala inisiatif **penulisan e-buku (Bukti 3.4.03)** mengasah kreativiti dan minat menulis dalam era digital.

Pelajar juga aktif dalam **program CSR (Bukti 3.4.04)** seperti lawatan ke rumah anak yatim dan komuniti setempat, melahirkan **Socially Responsible Leader** yang peka kepada isu sosial. Tambahan pula, **sesi kesejahteraan mental (Bukti 3.4.04)** menyediakan platform bagi pelajar mendapatkan nasihat pakar, membantu mereka menguruskan tekanan dengan lebih berkesan.

Program-program anjuran **ASAS** dipantau melalui laporan aktiviti dan maklum balas peserta. Refleksi ini digunakan untuk menilai keberkesanan serta memastikan objektif pembelajaran holistik tercapai (**Bukti 3.4.05**).

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_T01_TB04_TC01_20251_Bukti 3.4.01.pdf](#)
2. [B0078_T01_TB04_TC01_20252_Bukti 3.4.02.pdf](#)
3. [B0078_T01_TB04_TC01_20253_Bukti 3.4.03.pdf](#)
4. [B0078_T01_TB04_TC01_20254_Bukti 3.4.04.pdf](#)
5. [B0078_T01_TB04_TC01_20255_Bukti 3.4.05.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Mengenal pasti risiko dalam pengurusan dan pembangunan pelajar ini adalah sangat penting dan ianya melibatkan penilaian potensi cabaran dan ketidakpastian yang boleh memberi kesan kepada kejayaan program atau pengalaman pelajar.

Di antara risiko khusus (**kenalpasti risiko**) yang dialami oleh pelajar yang terlibat dalam program mobiliti pelajar ini adalah kekangan kewangan untuk membiayai dua ijazah serentak dikala negara sedang bergelut dengan ketidakstabilan ekonomi dunia berikutan penularan Covid-19. AAGBS telah mengambil langkah **pengurangan risiko** dengan menyediakan bantuan kewangan untuk meringankan beban kewangan pelajar melalui pembiayaan tabung amanah AAGBS untuk program mobiliti pelajar ke HFT Stuttgart bermula dari tahun 2022 (**Bukti 3.4.06**). Pembiayaan ini sedikit sebanyak dapat membantu pelanggan iaitu pelajar untuk meneruskan program sarjana berkembar ini.

Risiko lain yang **dikenalpasti** juga adalah seperti kekurangan penyertaan pelajar dalam program sarjana di AAGBS yang memberi kesan secara langsung kepada penyertaan pelajar ke program sarjana berkembar ini. AAGBS mengambil langkah **pengurusan risiko** dengan **menjalankan aktiviti hari terbuka secara dalam talian dan juga bersemuka** untuk menarik lebih ramai individu awam untuk mendaftar ke program sarjana di AAGBS (**Bukti 3.4.07**). AAGBS juga **menjalankan program jerayawara** ke semua kampus cawangan UiTM yang mempunyai fakulti AAGBS untuk mendedahkan kepada pelajar sarjana muda tentang program-program sarjana di AAGBS (**Bukti 3.4.08**).

Pengurusan risiko yang lain adalah dengan memenuhi keperluan khusus kedua-dua program sarjana yang rumit, terutamanya jika terdapat keperluan bertindih atau bercanggah dengan struktur dan keperluan program mungkin berubah dari masa ke semasa, yang berpotensi menjejaskan rancangan pengajian untuk pelajar semasa. AAGBS mengambil langkah **menguruskan risiko** ini diperingkat awal permohonan pelajar iaitu melalui penyusunan pelan struktur pengajian berdasarkan semester semasa pelajar.

ASAS turut mengenal pasti risiko berkaitan kelewatan kelulusan dan kekangan masa jawatankuasa yang boleh menjejaskan kelancaran program. Untuk mengurus risiko ini, satu **carta aliran kerja pelaksanaan program (Bukti 3.4.09)** telah dibangunkan sebagai rujukan rasmi bagi jawatankuasa ASAS. Carta ini menetapkan bahawa **penghantaran kertas cadangan perlu dibuat sekurang-kurangnya dua bulan sebelum tarikh cadangan program**, bagi mengelakkan kelewatan semakan dan kelulusan. Dalam setiap permohonan program, jawatankuasa ASAS turut diminta untuk menyertakan **pembahagian tugas (Bukti 3.4.10)** sebagai salah satu dokumen wajib yang membantu kelancaran pelaksanaan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_T01_TB04_TC02_20251_Bukti 3.4.06.pdf](#)
2. [B0078_T01_TB04_TC02_20252_Bukti 3.4.07.pdf](#)
3. [B0078_T01_TB04_TC02_20253_Bukti 3.4.08.pdf](#)
4. [B0078_T01_TB04_TC02_20254_Bukti 3.4.09.pdf](#)
5. [B0078_T01_TB04_TC02_20255_Bukti 3.4.10.pdf](#)

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Diantara inisiatif yang dijalankan oleh AAGBS dari semasa ke semasa untuk memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar melalui program sarjana berkembar ini berjaya adalah dengan mengumpul maklumbalas program ini dari pelajar yang terlibat. Soalan maklumbalas adalah seperti di **(Bukti 3.4.11)** dan maklumbalas dari pelajar adalah seperti di **(Bukti 3.4.12)**. Dari maklumbalas ini, AAGBS akan melaksanakan **penambahbaikan** kepada struktur program. Program MBA di AAGBS membolehkan pelajar sarjana berkembar berpeluang mempelajari modul kursus dipacu oleh industri (*industry-driven*) seperti modul kursus “Management of Technology and Innovation” dan “Knowledge Management and Business Intelligence”. Modul-modul ini mempersiapkan pelajar dengan ilmu pengetahuan untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar dan mempersiapkan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan di masa hadapan. Modul kursus untuk program MBA adalah seperti **di (Bukti 3.4.13)**.

AAGBS juga menyedari kepentingan peningkatan kualiti untuk memastikan program, pengurusan dan kecekapan pentadbiran memenuhi atau melebihi kehendak pelanggan. Sehubungan dengan itu, AAGBS memastikan program sarjana berkembar adalah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan akreditasi seperti “ABEST21 International”. Dibawah akreditasi ini, AAGBS memastikan beberapa bidang utama di terus **diperbaiki** dari masa ke semasa untuk menjadikan program MBA dan sarjana berkembar ini kekal relevan di pasaran pendidikan **(Bukti 3.4.14)**. Kajian kurikulum juga dilaksanakan secara berkala **(Bukti 3.4.15)** untuk memastikan kurikulum pembelajaran diselaraskan dengan trend industri dan amalan terbaik. Maklumat dari badan profesional dari industri juga digunapakai untuk membantu dalam **penambahbaikan** kurikulum kursus di masa akan datang.

Fokus **penambahbaikan** lain yang dilaksanakan oleh AAGBS untuk memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar dijalankan secara holistik adalah melalui proses peningkatan “*International Experiential Learning*” melalui program mobiliti di *Halic University*, Turki. Pelajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung akan mendapat faedah pengalaman pembelajaran antarabangsa melalui inisiatif membawa profesor dari universiti luar negara untuk menjadi penceramah jemputan atau pensyarah di AAGBS. Profesor pelawat ini akan berkongsi pengetahuan dan pengalaman antarabangsa mereka dalam pelbagai bidang akademik dan industri.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_T01_TB04_TC03_20251_Bukti 3.4.11.pdf](#)
2. [B0078_T01_TB04_TC03_20252_Bukti 3.4.12.pdf](#)
3. [B0078_T01_TB04_TC03_20253_Bukti 3.4.13.pdf](#)
4. [B0078_T01_TB04_TC03_20254_Bukti 3.4.14.pdf](#)
5. [B0078_T01_TB04_TC03_20255_Bukti 3.4.15.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

AAGBS telah membudayakan pengalaman pembelajaran yang komprehensif dalam kalangan pelajar sebagai pelanggan utama melalui pelaksanaan **program sarjana berkembar**. Program ini menjadi nilai tambah kerana membolehkan pelajar memperoleh **dua ijazah serentak** dalam bidang pengurusan perniagaan daripada dua universiti dalam dan luar negara. Keunikan ini dipacu industri melalui struktur program yang dipantau secara berkala oleh badan akreditasi antarabangsa seperti **ABEST21**.

AAGBS memastikan pelaksanaan program sarjana berkembar serta sarjana lain adalah sejajar dengan pengurusan dan pembangunan pelajar. Langkah strategik diambil untuk menjadikan AAGBS sebagai **institusi bertaraf antarabangsa**, termasuk menaik taraf infrastruktur fakulti bagi membolehkan komunikasi dua hala antara AAGBS dan HFT Stuttgart. Pembudayaan pembelajaran maya turut memperluaskan pelajar dengan teknologi tanpa sempadan, sesuai dalam apa jua situasi semasa. **(Bukti 3.5.01)** menunjukkan kemudahan infrastruktur moden yang disediakan untuk pelajar dan pelawat antarabangsa.

Program sarjana AAGBS telah melahirkan **alumni** yang berperanan penting dalam perkongsian pengetahuan, penglibatan komuniti, serta memberi ruang kepada pelajar sedia ada mendapatkan **nasihat kerjaya, latihan amali dan peluang pekerjaan**. Alumni industri turut menyumbang idea dalam pembangunan struktur kursus **(Bukti 3.5.02)**, yang merangkumi kursus teras dalam pengurusan, kewangan konvensional dan Islam, serta kursus elektif merentas disiplin. Selain itu, program ini memberi peluang kepada pelajar menjalankan **kajian lapangan, projek praktikal, kajian kes dan aplikasi dunia sebenar** bagi mengukuhkan pembelajaran praktikal dan kemahiran penyelesaian masalah. Setiap pelajar juga dibimbing oleh **penasihat akademik** dalam penyelidikan atau projek mereka.

Bagi memperkukuh lagi pembudayaan ilmu, AAGBS menyediakan pelbagai **bengkel, seminar dan persidangan antarabangsa**. Platform ini membolehkan pelajar berhubung dengan pensyarah serta profesional industri, sekaligus meningkatkan pendedahan mereka terhadap perkembangan semasa dunia perniagaan. Usaha ini selaras dengan hasrat UiTM untuk memastikan **90% graduan berdaya saing di pasaran tempatan dan 10% di peringkat antarabangsa**.

Kesimpulannya, kejayaan AAGBS dalam melaksanakan program sarjana dan sarjana berkembar secara menyeluruh telah memberi manfaat besar kepada pelajar sebagai pemegang taruh utama UiTM. Pada masa sama, ia mengukuhkan kedudukan AAGBS dan UiTM dalam mencapai objektif strategik universiti untuk menjadi institusi terkemuka dunia. Kejayaan melahirkan graduan sarjana berkembar ini turut melonjakkan reputasi AAGBS sebagai **fakulti bertaraf antarabangsa**, sejajar dengan misi UiTM 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_T01_TB05_20251_Bukti 3.5.01.pdf](#)
2. [B0078_T01_TB05_20252_Bukti 3.5.02.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

AAGBS melaksanakan pendekatan holistik berasaskan pembelajaran pengalaman, analisis risiko, pemantauan, peluasan, dan integrasi untuk melahirkan tiga kategori pemimpin utama: **Entrepreneurial Mindset Leaders, Socially Responsible Leaders, dan Knowledge Driven Leaders**. Bagi *Entrepreneurial Mindset Leaders*, AAGBS memperkukuh pendidikan keusahawanan melalui bengkel, kolaborasi industri, MOU strategik, serta latihan industri. Program seperti *Optimizing Oil and Gas Logistics* dan *Strategic Insights* memberi pendedahan praktikal, disokong pemantauan berstruktur dan audit tahunan. Untuk *Socially Responsible Leaders*, AAGBS menekankan nilai etika dan tanggungjawab sosial melalui program CSR, kepimpinan komuniti, dan kolaborasi dengan NGO serta agensi kerajaan. Aktiviti seperti *AAGBS Cares* dan *Sentuhan Kasih Ilmu* memperkukuh impak sosial, dengan penilaian keberkesanan melalui laporan impak dan kajian lapangan. Dalam *Knowledge Driven Leaders*, penekanan diberikan kepada penyelidikan berkualiti, teknologi, dan inovasi. Program seperti *Research Bootcamp*, *AiCOMB 2024*, serta *Thesis Bootcamp* mengasah kemahiran akademik, disokong audit kualiti antarabangsa. Keseluruhan strategi AAGBS sejajar dengan SDG 1, 3, 4, 8, 9, dan 11 serta prinsip Malaysia MADANI, memastikan keberlanjutan impak akademik, sosial, dan industri.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

AAGBS melaksanakan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman untuk membina keupayaan pelajar sebagai pemimpin masa depan. AAGBS komited melahirkan **Entrepreneurial Mindset Leaders** melalui pendekatan pendidikan keusahawanan yang menyeluruh dan bersepadu dengan industri. Pendekatan ini dilaksanakan menerusi aktiviti seperti bengkel keusahawanan seperti **AAGBS Economic Symposium 2024 (Bukti 1)**, sesi mentoring bersama alumni usahawan, dan projek kolaborasi industri yang memberi pendedahan praktikal kepada pelajar tentang realiti dunia perniagaan. Antara contoh aktiviti pada tahun 2024 termasuk program **Optimizing Oil and Gas Logistics** dan **Strategic Insights** bersama **Mydin Mohamed Holdings Berhad (Bukti 1)** yang membolehkan pelajar memahami model perniagaan berdaya saing dan strategi inovatif. Pendekatan ini turut melibatkan pemantapan hubungan dengan pihak industri melalui pemeteraian MOU, penyertaan pelajar dalam latihan industri, serta pelaksanaan program pertukaran pelajar dan staf. AAGBS turut menyediakan sistem pemantauan yang rapi termasuk audit keusahawanan, penilaian impak pelajar alumni dalam sektor perniagaan, dan penyelarasan kurikulum dengan keperluan industri semasa. Pendekatan ini secara langsung menyokong **SDG 8** (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi) dan **SDG 9** (Infrastruktur Industri dan Inovasi), selaras dengan prinsip Inovasi dan Kesejahteraan dalam kerangka **Malaysia MADANI**. Bagi melahirkan **Socially Responsible Leaders**, AAGBS melaksanakan pendekatan yang menekankan nilai etika, tanggungjawab sosial dan kepimpinan berasaskan kemasyarakatan. Pendekatan ini digerakkan melalui Program Kepimpinan Sosial, pelibatan aktif dalam inisiatif Corporate Social Responsibility (CSR), serta sesi mentoring bersama pemimpin sosial. Antara aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2024 termasuk **The Great Team Pursuit**, **AAGBS Cares: Mobilizing Compassion for Collective Good**, **Sentuhan Kasih Ilmu**, dan lawatan industri ke **Persatuan Pengasih Malaysia (Bukti 2)**. Kesemua aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar dan alumni untuk berinteraksi dengan komuniti dan menyumbang kepada pembangunan sosial. AAGBS turut menilai kesan aktiviti melalui sistem penilaian impak sosial serta kajian keberkesanan terhadap penglibatan pelajar dalam CSR. Selain itu, cabaran seperti kekangan sumber dan kesenjangan antara teori dan amalan diatasi melalui penglibatan NGO, agensi kerajaan dan pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek komuniti. Pendekatan ini sejajar dengan **SDG 1 (Penghapusan Kemiskinan)**, **SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan)**, dan **SDG 11 (Komuniti Mampan)**, serta memperkukuh prinsip **Kemanusiaan dan Hormat dalam kerangka Malaysia MADANI**.

Dalam usaha melahirkan **Knowledge Driven Leaders**, AAGBS menekankan pendekatan berasaskan penguasaan ilmu, penyelidikan berkualiti, dan pembelajaran berteraskan teknologi. Ini direalisasikan melalui kursus-kursus terkini dalam pengurusan inovasi, analitik data, transformasi digital dan penyelidikan akademik. Aktiviti teras yang dilaksanakan sepanjang 2024 termasuk **Research Bootcamp (21–23 Jun 2024)**, **AiCOMB 2024**, **Leadership Forum: Yayasan Arshad Ayub (Bukti 3)**. AAGBS turut menggalakkan penyertaan pelajar dalam simposium dan persidangan antarabangsa untuk memperluas jaringan pengetahuan dan meningkatkan kompetensi penyelidikan. Pemantauan dilaksanakan melalui audit kualiti penyelidikan seperti **MOU (Bukti 5)**, sistem maklum balas industri dan pelajar, serta pemantauan sasaran penerbitan ilmiah (PI053). Proses penambahbaikan dilakukan berdasarkan dapatan audit seperti **AACSB Peer Review Visit (Oktober 2024) (Bukti 4)** dan **ABEST21 Seminar (Mei–Ogos 2024) serta SWAAkreditasi (MQA) (Bukti 5)**. AAGBS turut dinobatkan **Rank A**. Pendekatan ini menyokong **SDG 4 (Pendidikan Berkualiti)** dan **SDG 9 (Inovasi dan Teknologi)**, serta selari dengan prinsip **Keilmuan dan Inovasi dalam Malaysia MADANI**.

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_A01_AB02_20251_Bukti 4.2.1 Pendekatan.pdf](#)
2. [B0078_A01_AB02_20252_Bukti 4.2.2.pdf](#)
3. [B0078_A01_AB02_20253_Bukti 4.2.3.pdf](#)

4. [B0078_A01_AB02_20254_Bukti 4.2.4.pdf](#)
5. [B0078_A01_AB02_20255_Bukti 4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Strategi perluasan AAGBS adalah untuk memperluaskan jangkauan program kepada lebih ramai pelajar, alumni, dan pihak berkepentingan. Untuk pemimpin keusahawanan, perluasan dijalankan melalui projek besar seperti kolaborasi dengan Mydin dan MOU dengan syarikat Oil & Gas. Socially Responsible Leaders pula diperkasa melalui pelaksanaan program CSR rentas negeri seperti **Financial Literacy Road Tour** dan AAGBS Cares. **Knowledge Driven Leaders** pula diperluas melalui program **akademik antarabangsa (ABEST 21) serta AAGBS Casebook Publication Launch (Bukti 1)** dan penyertaan pelajar dalam **konferensi** seperti **AiCOMB**, projek penyelidikan bersama **pakar industri (Bukti 2)** dan **Key partners jaringan antarabangsa Dual Masters serta Viva Voce (Bukti 3)**. Bagi menyokong Pilar UiTM, Connect with Industry, AAGBS melaksanakan strategi deployment untuk **Entrepreneurial Mindset Leaders** dengan memperluaskan akses pelajar dan alumni kepada ekosistem perniagaan yang sebenar. Tahun 2024 menyaksikan peningkatan kerjasama strategik dengan syarikat tempatan dan antarabangsa melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU), penyertaan dalam pameran industri, serta pembukaan peluang latihan industri yang relevan dengan keperluan pasaran. **Program keusahawanan** berskala besar seperti **Optimizing Oil and Gas Logistics dan Strategic Insights bersama Mydin Mohamed Holdings Berhad** turut diperluaskan kepada lebih ramai pelajar dan alumni, bagi memastikan mereka mendapat pendedahan kepada inovasi, pengurusan risiko dan strategi perniagaan berkesan. Inisiatif ini secara langsung menyokong **SDG 8** (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi) dan **SDG 9** (Infrastruktur, Industri dan Inovasi), di samping memupuk nilai **Inovasi dan Kesejahteraan** yang ditekankan dalam **Malaysia MADANI**.

Selaras dengan Pilar UiTM – Engage with Community, AAGBS memperluaskan pelaksanaan program Socially Responsible Leaders dengan menggerakkan aktiviti Corporate Social Responsibility (CSR) yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat. Tahun 2024 menampilkan beberapa program utama seperti **The Great Team Pursuit AAGBS Cares: Mobilizing Compassion for Collective Good, Custodian of the Bins, dan Sentuhan Kasih Ilmu (Bukti 4)**. Kesemua inisiatif ini diperluaskan untuk melibatkan lebih ramai pelajar, alumni, dan komuniti setempat melalui kerjasama dengan NGO, agensi kerajaan dan sektor swasta. Pendekatan ini memastikan impak sosial yang lebih besar, sekali gus memperkukuh hubungan antara universiti dan masyarakat. Strategi ini seiring dengan **SDG 1** (Penghapusan Kemiskinan), **SDG 3** (Kesihatan dan Kesejahteraan), dan **SDG 11** (Bandar dan Komuniti Mampan), serta membina **nilai Kemanusiaan, Hormat dan Kesejahteraan** yang menjadi teras **Malaysia MADANI**.

Berlandaskan Pilar UiTM – Advance in Knowledge, AAGBS melaksanakan strategi deployment bagi Knowledge Driven Leaders dengan memperkukuh kolaborasi penyelidikan bersama industri, meningkatkan akses kepada platform ilmiah, serta menggalakkan penyertaan pelajar dalam persidangan antarabangsa. Pada tahun 2024, program seperti **Industry Collaboration for Knowledge Advancement, AiCOMB 2024, Research Bootcamp dan Empower Leaders of Tomorrow Workshop** dilaksanakan untuk memberi peluang kepada pelajar mempraktikkan pengetahuan dalam konteks dunia sebenar. Lawatan industri seperti ke **Pantai Integrated Rehab Services dan Gardenia Bakeries Sdn. Bhd. (Bukti 5)** turut menjadi saluran untuk menghubungkan teori dan amalan. Inisiatif ini menyumbang secara langsung kepada **SDG 4** (Pendidikan Berkualiti) dan **SDG 9** (Industri, Inovasi dan Infrastruktur), di samping memperkukuh prinsip **Keilmuan dan Inovasi** dalam **Malaysia MADANI**.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_A01_AB03_20251_Bukti 4.3.1.pdf](#)
2. [B0078_A01_AB03_20252_Bukti 4.3.2.pdf](#)
3. [B0078_A01_AB03_20253_Bukti 4.3.3 Perluasan.pdf](#)

-
4. [B0078_A01_AB03_20254_Bukti 4.3.4.pdf](#)
 5. [B0078_A01_AB03_20255_Bukti 4.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Seiring dengan Pilar UiTM – *Connect with Industry*, AAGBS melaksanakan pemantauan bagi memastikan keberkesanan pembangunan *Entrepreneurial Mindset Leaders*. Pemantauan dibuat melalui penilaian program, maklum balas pelajar, alumni dan industri, serta pengukuran berdasarkan alumni yang berjaya (Bukti 1) membangunkan perniagaan atau mengaplikasikan prinsip keusahawanan. Audit tahunan menilai penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan, manakala modul industri dipantau melalui *Alumni Mentorship Program* dan *Coaching for Success* di bawah Persatuan Alumni AAGBS. Mekanisme ini menyokong SDG 8 (Pekerjaan Layak) dan SDG 9 (Inovasi), serta nilai Inovasi dan Kesejahteraan Malaysia MADANI.

Selaras dengan Pilar UiTM – *Engage with Community*, pemantauan *Socially Responsible Leaders* menekankan impak sosial aktiviti CSR, kepimpinan sosial dan projek komuniti. Penilaian merangkumi kajian lapangan, laporan impak serta maklum balas komuniti dan rakan kolaborasi. Sistem penilaian kepimpinan sosial menilai kebolehan pelajar mengaplikasikan etika dan tanggungjawab sosial selepas tamat pengajian. Program seperti *The Great Team Pursuit*, *AAGBS Cares* dan *Sentuhan Kasih Ilmu* dipastikan memberi hasil terukur. Pendekatan ini menyokong SDG 1 (Penghapusan Kemiskinan), SDG 3 (Kesihatan), dan SDG 11 (Komuniti Mampan), serta nilai Kemanusiaan, Hormat dan Kesejahteraan.

Bagi *Knowledge Driven Leaders* di bawah Pilar UiTM – *Advance in Knowledge*, pemantauan berstruktur meliputi audit penyelidikan, prestasi pembelajaran, dan penerbitan ilmiah berindeks (PI053). Program seperti *Defence Research Proposal*, *Thesis Bootcamp* dan *Doctoral Colloquium* (Bukti 2) menilai kemajuan pelajar, manakala audit AACSB (Oktober 2024) (Bukti 3) dan ABEST21 (Ogos 2024) memastikan pematuhan piawai antarabangsa dengan pengiktirafan “Humanizing the Faculty-I Student Learning Experiences” (Bukti 4). Data penerbitan direkod melalui Google Scholar, WOS, PTAR dan PRIME (Bukti 5) bagi menilai sasaran. Proses ini menyokong SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 9, serta nilai Keilmuan dan Inovasi Malaysia MADANI.

Keseluruhannya, pemantauan AAGBS dilaksanakan secara formal melalui *Alumni Tracker* dan *Mentorship* untuk *Entrepreneurial Leaders*, laporan impak CSR untuk *Social Leaders*, serta audit penyelidikan dan sistem penerbitan (PRIME, SEDONA) untuk *Knowledge Leaders*.

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_A01_AB04_AC01_20251_Bukti 4.4.1 Pemantauan Check.pdf](#)
2. [B0078_A01_AB04_AC01_20252_Bukti 4.4.2.pdf](#)
3. [B0078_A01_AB04_AC01_20253_Bukti 4.4.3.pdf](#)
4. [B0078_A01_AB04_AC01_20254_Bukti 4.4.4.pdf](#)
5. [B0078_A01_AB04_AC01_20255_Bukti 4.4.5.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Selaras dengan Pilar UiTM – *Connect with Industry*, AAGBS mengenal pasti risiko utama dalam melahirkan *Entrepreneurial Mindset Leaders*, termasuk kekurangan sumber kewangan dan ketidaksesuaian kurikulum dengan keperluan industri. Untuk mengurangkan risiko, AAGBS menyediakan bimbingan mendapatkan pelabur dan geran, menyesuaikan kursus dengan trend pasaran, serta memperkukuh jaringan industri. Tabung Amanah AAGBS (Bukti 1) turut diwujudkan bagi menyokong projek keusahawanan. Langkah ini sejajar dengan SDG 8 (Pekerjaan Layak) dan SDG 9 (Inovasi), serta nilai Inovasi dan Kesejahteraan Malaysia MADANI.

Bagi *Socially Responsible Leaders* di bawah Pilar UiTM – *Engage with Community*, risiko meliputi ketidakselarasan teori dengan amalan dan kekurangan dana untuk projek CSR berskala besar. Untuk mengatasinya, AAGBS menggalakkan *community-based learning projects* serta memperluas kerjasama dengan NGO, agensi kerajaan, dan sektor swasta (Bukti 2) bagi mendapatkan sokongan. Strategi ini menyumbang kepada SDG 1 (Penghapusan Kemiskinan), SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan), serta SDG 11 (Komuniti Mampan), di samping menegakkan nilai Kemanusiaan, Hormat dan Kesejahteraan.

Dalam konteks *Knowledge Driven Leaders* berasaskan Pilar UiTM – *Advance in Knowledge*, risiko yang dikenal pasti ialah kekurangan dana penyelidikan, kesukaran mendapatkan kolaborator, kadar penerbitan rendah, serta kelemahan dalam penulisan akademik dan metodologi. Untuk mengurangkannya, AAGBS menganjurkan bengkel seperti *Research Bootcamp*, *Thesis Bootcamp* dan *Doctoral Colloquium*, di samping menggunakan laporan eRMS (Bukti 3). Audit AACSB dan ABEST21 (Bukti 4) pula memastikan keperluan penambahbaikan dikenal pasti. Pendekatan ini menyokong SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 9, serta memperkukuh nilai Keilmuan dan Inovasi Malaysia MADANI.

Secara keseluruhan, AAGBS menyedari risiko yang boleh mengganggu pencapaian hasil utama. Untuk keusahawanan, isu dana dan kurikulum diatasi melalui Tabung Amanah dan kursus berasaskan industri. Bagi *Social Leaders*, kekangan bajet dan pengalaman ditangani dengan kolaborasi NGO dan industri. Manakala bagi *Knowledge Leaders*, kadar penerbitan rendah diatasi melalui *AAGBS Casebook*, *SJMR* (Bukti 5), serta kolaborasi industri seperti *AiCOMB 2024* (Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_A01_AB04_AC02_20251_Bukti 4.4.2.1 Kenalpasti Risiko.pdf](#)
2. [B0078_A01_AB04_AC02_20252_Bukti 4.4.2.2.pdf](#)
3. [B0078_A01_AB04_AC02_20253_Bukti 4.4.2.3.pdf](#)
4. [B0078_A01_AB04_AC02_20254_Bukti 4.4.2.4.pdf](#)
5. [B0078_A01_AB04_AC02_20255_Bukti 4.4.2.5.pdf](#)

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi *Entrepreneurial Mindset Leaders* di bawah Pilar UiTM – *Connect with Industry*, AAGBS melaksanakan kajian semula melalui penilaian keberkesanan program keusahawanan dan maklum balas industri serta alumni. Hasil penilaian digunakan untuk menambah baik modul keusahawanan, meningkatkan keberkesanan *Alumni Mentorship Program* melalui testimoni *Prominent Alumni AAGBS* (Bukti 1), serta memperluas kolaborasi dengan syarikat tempatan dan antarabangsa. Penambahbaikan termasuk pengintegrasian teknologi digital dalam latihan perniagaan dan peluang latihan industri di sektor strategik seperti minyak & gas, runcit, dan logistik. Langkah ini menyokong SDG 8 (Pekerjaan Layak) dan SDG 9 (Inovasi), serta nilai Inovasi dan Kesejahteraan Malaysia MADANI.

Dalam konteks *Socially Responsible Leaders* selaras dengan Pilar UiTM – *Engage with Community*, kajian semula dilakukan melalui penilaian kesan sosial projek CSR seperti *AAGBS Cares*, *Sentuhan Kasih Ilmu* dan *Custodian of the Bins*. Dapatan digunakan untuk memperkukuh penglibatan komuniti melalui kerjasama dengan NGO, pembelajaran berasaskan komuniti, serta pengoptimuman sumber menggunakan borang aktiviti, impak program dan SOP (Bukti 2), serta borang *Entrance Survey for Industry*, MKSP dan SMARTHEP (Bukti 3). Penambahbaikan turut melibatkan integrasi kelestarian alam sekitar dalam projek CSR melalui kajian semula carta aliran aktiviti dan pembiayaan (Bukti 2). Pendekatan ini menyumbang kepada SDG 1 (Penghapusan Kemiskinan), SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan), serta SDG 11 (Komuniti Mampan), di samping memperkukuh nilai Kemanusiaan, Hormat dan Kesejahteraan Malaysia MADANI.

Bagi *Knowledge Driven Leaders* berlandaskan Pilar UiTM – *Advance in Knowledge*, AAGBS menilai program melalui audit penyelidikan antarabangsa (AACSB, ABEST21), AOL dan validasi peperiksaan (Bukti 4), analisis penerbitan ilmiah, peningkatan GOT dan graduan CGPA 3.5 (E-Self-Review Report), serta penilaian geran penyelidikan RM500,000 menjelang 2025 melalui mesyuarat sumber manusia dan MKSP (Bukti 5). Penambahbaikan termasuk lebih banyak bengkel metodologi penyelidikan, bimbingan penulisan jurnal berindeks, serta penggunaan teknologi analitik data dalam pengajaran. Pendekatan ini menyokong SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 9, serta mengukuhkan nilai Keilmuan dan Inovasi Malaysia MADANI.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_A01_AB04_AC03_20251_Bukti 4.4.3.1 Mengkaji semula.pdf](#)
2. [B0078_A01_AB04_AC03_20252_Bukti 4.4.3.2.pdf](#)
3. [B0078_A01_AB04_AC03_20253_Bukti 4.4.3.3.pdf](#)
4. [B0078_A01_AB04_AC03_20254_Bukti 4.4.3.4.pdf](#)
5. [B0078_A01_AB04_AC03_20255_Bukti 4.4.3.5.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi **Entrepreneurial Mindset Leaders** yang selaras dengan Pilar UiTM – Connect with Industry, AAGBS mengintegrasikan elemen keusahawanan dalam semua program akademik dan aktiviti pelajar. Integrasi ini meliputi penerapan prinsip inovasi, pengurusan risiko, dan teknologi perniagaan sebagai komponen teras kurikulum. Kolaborasi jangka panjang dengan industri diwujudkan melalui projek bersama, pementoran berstruktur, dan penglibatan industri dalam perancangan strategik akademik. **Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat AAGBS (Bukti 1)** turut menjadi sebahagian daripada usaha integrasi, bagi memastikan hala tuju program keusahawanan kekal relevan dengan keperluan pasaran. Usaha ini menyokong **SDG 8** (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi) dan **SDG 9** (Industri, Inovasi dan Infrastruktur), serta mengukuhkan nilai Inovasi dan Kesejahteraan dalam **Malaysia MADANI**.

Selaras dengan Pilar UiTM – Engage with Community, integrasi bagi **Socially Responsible Leaders** dilakukan dengan menggabungkan prinsip tanggungjawab sosial ke dalam kurikulum dan aktiviti pelajar. Semua pelajar terdedah kepada konsep kepimpinan beretika, CSR, dan kelestarian komuniti melalui projek akademik serta inisiatif lapangan. AAGBS mengarusperdanakan standard/rubrik award ke dalam SOP, garis panduan, dan latihan staf/pelajar. Penganugerahan antarabangsa: **Good Practice Award-Humanising the Faculty-Student Learning Experiences** oleh **ABEST21 (Bukti 2)** Program seperti **AAGBS Cares dan Sentuhan Kasih Ilmu (Bukti 2)** diintegrasikan dalam pembelajaran berasaskan komuniti, sekaligus memastikan keberlanjutan penglibatan sosial pelajar walaupun selepas tamat pengajian. Sokongan juga diberikan kepada alumni yang meneruskan peranan mereka dalam projek komuniti atau inisiatif CSR di tempat kerja. Pendekatan ini sejajar dengan **SDG 1** (Penghapusan Kemiskinan), **SDG 3** (Kesihatan dan Kesejahteraan), dan **SDG 11** (Bandar dan Komuniti Mampan), sambil memperkukuh **nilai Kemanusiaan, Hormat, dan Kesejahteraan** dalam **Malaysia MADANI**.

Untuk **Knowledge Driven Leaders** yang berlandaskan Pilar UiTM – Advance in Knowledge, AAGBS memastikan pengetahuan terkini, hasil penyelidikan, dan amalan industri menjadi sebahagian daripada semua program akademik. Integrasi ini termasuk penggabungan teknologi digital dan sumber pembelajaran dalam talian untuk memudahkan akses pelajar kepada bahan rujukan terkini, analisis data, dan inovasi teknologi. Hubungan rapat dengan industri dan **institusi akademik antarabangsa** diperkukuh melalui **seminar pakar (Bukti 3)**, **projek penyelidikan bersama (Bukti 4)** dan **kolaborasi strategik, (Bukti 5)**. Pelantikan **Ahli Lembaga Penasihat AAGBS** juga membantu menyelaras keperluan **industri** dengan kurikulum akademik. Usaha ini menyokong **SDG 4** (Pendidikan Berkualiti) dan **SDG 9** (Industri, Inovasi dan Infrastruktur), serta mengukuhkan **nilai Keilmuan dan Inovasi** dalam **Malaysia MADANI**.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_A01_AB05_20251_Bukti 4.5.1 Integrasi.pdf](#)
2. [B0078_A01_AB05_20252_Bukti 4.5.2.pdf](#)
3. [B0078_A01_AB05_20253_Bukti 4.5.3.pdf](#)
4. [B0078_A01_AB05_20254_Bukti 4.5.4.pdf](#)
5. [B0078_A01_AB05_20255_Bukti 4.5.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan dan pembangunan sumber manusia di **AAGBS (Arshad Ayub Graduate Business School)** memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan akademik dan pembangunan peribadi pelajar. AAGBS mengintegrasikan tiga pendekatan utama, iaitu **Entrepreneurial Mindset, Socially Responsible Leader, dan Knowledge Driven Leader**, untuk mencapai visi strategiknya. Visi ini, yang terkandung dalam pelan strategik 2021-2025, bertujuan menjadikan AAGBS sebuah sekolah perniagaan siswazah bertaraf global yang melahirkan pemimpin bertanggungjawab. Pelan strategik ini juga dipetakan selari dengan pelan **Ekonomi MADANI**, yang menekankan kelestarian, kesejahteraan, dan daya cipta sebagai panduan utama.

Untuk mencapai matlamat ini, AAGBS menggunakan model pengurusan dan pembangunan strategik sumber manusia berasaskan pendekatan **PDCA (Plan, Do, Check, Act)**. Pendekatan ini memastikan proses pembangunan sumber manusia dilaksanakan secara komprehensif, bermula dari perancangan hingga tindakan penambahbaikan.

1. Perancangan (Plan) AAGBS merancang inisiatif untuk memperkukuh struktur organisasi, memperkasakan bakat dan kompetensi staf, serta membina budaya kerja berprestasi tinggi. Perancangan strategik ini menunjukkan komitmen AAGBS terhadap pembangunan sumber manusia secara menyeluruh, yang secara langsung menyumbang kepada kecemerlangan pembangunan pelajar dan prestasi organisasi.

2. Pelaksanaan (Do) Pelaksanaan inisiatif ini melibatkan beberapa program penting. Program "Mau'izah" adalah salah satu daripadanya, bertujuan membina jati diri staf berdasarkan kepakaran masing-masing. Di samping itu, penubuhan Kelab Sosial di AAGBS adalah langkah positif yang bertujuan membina budaya kerja berkualiti dan meningkatkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga organisasi.

3. Pemantauan (Check) Pihak pengurusan sentiasa memantau para pensyarah dan staf untuk memastikan kualiti sumber manusia sentiasa berada pada tahap yang optimum. Proses pemantauan ini turut melibatkan penyusunan semula struktur jika diperlukan bagi memastikan visi AAGBS dapat dicapai. Pemantauan ini dilakukan melalui mesyuarat-mesyuarat utama seperti **JKAPS** dan **JAF**, serta mesyuarat jabatan yang lain.

4. Penambahbaikan (Act) Berdasarkan hasil perbincangan dan pemantauan dalam mesyuarat, tindakan penambahbaikan akan diambil. Maklum balas dan cadangan daripada mesyuarat ini menjadi panduan penting bagi AAGBS untuk terus meningkatkan mutu pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

Pengiktirafan dan Penghargaan AAGBS mengiktiraf sumbangan staf dengan menyediakan pelbagai insentif dan program penghargaan. Ini termasuk Majlis Apresiasi, Program Retreat Fakulti, Insentif Penyelidikan, dan kelulusan untuk menghadiri persidangan dalam dan luar negara. Usaha penghargaan ini bertujuan mendorong prestasi, inovasi, dan penglibatan aktif staf dalam pelbagai aspek universiti. Secara keseluruhannya, interaksi positif antara kakitangan dan pelajar merupakan kunci utama dalam membentuk kejayaan pelajar, baik dari aspek akademik mahupun kepimpinan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

AAGBS menggunakan peranan strategik sumber manusia untuk memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar mencapai tahap cemerlang, fokus kepada pembentukan **Entrepreneurial Mindset, Socially Responsible Leader, dan Knowledge Driven Leader**. Pendekatan holistik ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang kompeten dan bersedia bersaing di peringkat global.

AAGBS bekerjasama dengan staf akademik, pentadbiran, dan Persatuan Pelajar (ASAS) untuk merancang program pembangunan keusahawanan (Bukti 1). Kekuatan utama fakulti ini adalah jalinan hubungan strategik dengan alumni yang berkaliber. Sumber manusia AAGBS memanfaatkan hubungan ini dengan mengadakan kolaborasi dan perkongsian, terutamanya dengan alumni yang berjaya dalam sektor logistik dan minyak & gas, untuk membimbing pelajar mengoptimumkan operasi dan mengaplikasikan teknologi terkini. Pendekatan ini bukan sahaja membantu alumni, malah turut menjadi inspirasi kepada pelajar.

Selain itu, program yang mendedahkan pelajar kepada strategi perniagaan syarikat-syarikat besar seperti Mydin Mohamed Holdings Berhad turut dilaksanakan, memberikan pandangan mendalam tentang model perniagaan yang berdaya saing (Bukti 2). Inisiatif ini diperkukuhkan dengan bengkel keusahawanan, sesi mentor bersama usahawan alumni, dan kolaborasi dengan syarikat-syarikat industri, yang membolehkan pelajar mendapat pengalaman perniagaan sebenar.

Dalam melahirkan pemimpin yang bertanggungjawab, AAGBS memberi penekanan kepada latihan kepimpinan beretika. Sumber manusia memainkan peranan penting dalam merekrut dan melatih staf yang bukan sahaja pakar dalam bidang masing-masing, tetapi juga mampu menjadi mentor kepada pelajar (Bukti 3). Modul pembangunan karakter dan aktiviti khidmat masyarakat diuruskan dengan teliti untuk memastikan program yang disampaikan berkesan dan relevan.

AAGBS melibatkan tenaga pengajar berpengalaman dalam program mobiliti pelajar antarabangsa dari tahun 2019 hingga 2022. Staf akademik dipilih untuk mengajar kursus-kursus kritikal seperti *Business Research Method (BRM701)* dan *Global Business Strategy (GBI795)*, yang penting untuk pendidikan global. Selain itu, staf akademik turut dilantik sebagai penyelia pelajar inbound, di mana 10 orang staf telah menjalankan penyeliaan bersama (Bukti 4).

Ahli akademik AAGBS juga terlibat dalam aktiviti tambahan seperti jemputan profesor pelawat, ceramah kepimpinan, dan ceramah industri. Aktiviti ini memperkaya pengalaman pelajar, menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran global dengan perspektif yang lebih luas (Bukti 5).

Secara keseluruhannya, pendekatan ini disokong oleh pengurusan sumber manusia yang teliti, bermula dari proses pengambilan staf yang telus hingga sistem penilaian prestasi dan program pembangunan profesional berterusan. Ini memastikan staf AAGBS berada pada tahap terbaik untuk memberi impak positif kepada pencapaian akademik dan pembangunan diri pelajar, seterusnya mencapai matlamat strategik fakulti dalam melahirkan pemimpin yang cemerlang dan berdaya saing di peringkat global.

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_S01_SB02_20251_Bukti 5.2.1 ASAS.pdf](#)
2. [B0078_S01_SB02_20252_Bukti 5.2.2 Strategic Insights 2024 - Mydin Mohamed Holdings Berhad.pdf](#)
3. [B0078_S01_SB02_20253_Bukti 5.2.3 Temuduga Staff.pdf](#)
4. [B0078_S01_SB02_20254_Bukti 5.2.4 Pelajar Inbound dan Pensyarah yang Mengajar.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

AAGBS mengutamakan pemerksaan bakat staf sebagai strategi utama untuk mencapai objektif universiti dan pembangunan pelajar. Dengan 33 staf akademik berkeelayakan PhD, 8 Profesor, dan 14 Profesor Madya, AAGBS melaksanakan pelbagai inisiatif untuk melahirkan pelajar dengan **Entrepreneurial Mindset, Socially Responsible Leader, dan Knowledge Driven Leader** (Bukti 1).

AAGBS memperkasakan bakat staf melalui program mobiliti seperti **co-teaching, pensyarah pelawat, dan program sangkutan penyelidikan** di dalam dan luar negara. Inisiatif ini meningkatkan kepakaran staf sambil memperkukuh hubungan dua hala dengan universiti yang mempunyai MoA dan MoU. Selain itu, staf akademik AAGBS juga berperanan sebagai pakar penasihat industri, terutamanya dalam sektor perbankan dan takaful di Malaysia. Penglibatan ini mengukuhkan hubungan akademia-industri dan memastikan kepakaran staf diiktiraf dan dimanfaatkan sepenuhnya, membantu AAGBS mencapai objektif penarafan universiti (Bukti 2).

Staf AAGBS terlibat secara aktif dalam pelbagai program yang relevan. Pensyarah yang mengajar kursus berkaitan terlibat dalam program seperti **"Financial Literacy Road Tour"** untuk membimbing pelajar menjadi **Socially Responsible Leader**. Penglibatan ini membolehkan staf menjadi mentor dan fasilitator, membina kemahiran kepimpinan beretika dan kesedaran sosial pelajar (Bukti 3).

Untuk membentuk **Entrepreneurial Mindset** dan **Knowledge Driven Leader**, staf akademik menjadi penggerak utama dalam program lawatan industri ke kilang Bateriku.Com. Kerjasama dengan industri juga diperkukuhkan melalui aktiviti seperti **"Industry Engagement: Global Strategy Business perspectives Bateriku.com"**, di mana staf menyumbang kepakaran mereka untuk mempersiapkan pelajar menghadapi pasaran kerja yang kompetitif (Bukti 4).

Untuk menyokong inisiatif **Global Future Talents**, AAGBS melancarkan program sarjana berkembar dengan universiti antarabangsa. Unit **Jaringan Industri dan Antarabangsa (JIA)**, yang diketuai oleh Dr. Arlinah Abd. Rashid, bersama dengan Dr. Azlina Hanif dan tiga staf pentadbiran lain, memainkan peranan penting dalam melancarkan dan memperluaskan jaringan AAGBS di peringkat global. Sokongan daripada staf berdedikasi ini memastikan kelancaran program antarabangsa, yang secara langsung menyumbang kepada pembangunan pelajar yang bersedia untuk bersaing di arena global (Bukti 5).

Secara keseluruhannya, pemerksaan bakat staf AAGBS, melalui inisiatif pembangunan profesional dan penglibatan aktif dalam program pelajar, memastikan universiti sentiasa berada di landasan yang tepat untuk melahirkan graduan yang cemerlang, holistik, dan bersedia menjadi pemimpin masa depan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_S01_SB03_20251_Bukti 5.3.1 Senarai Pensyarah Akademik.pdf](#)
2. [B0078_S01_SB03_20252_Bukti 5.3.2 Memorandum of Agreement \(MoA\) dan Memorandum of Understanding \(MoU\).pdf](#)
3. [B0078_S01_SB03_20253_Bukti 5.3.3.pdf](#)
4. [B0078_S01_SB03_20254_Bukti 5.3.4.pdf](#)
5. [B0078_S01_SB03_20255_Bukti 5.3.5 Carta Organisasi Unit Jaringan Industri dan Antarabangsa \(JIA\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

AAGBS mengintegrasikan nilai-nilai sosial dan tanggungjawab masyarakat dalam kurikulum dan aktiviti praktikal. Melalui **Pembelajaran Berasaskan Projek Sosial**, pelajar terlibat dalam projek yang memberi impak langsung kepada masyarakat, dengan staf akademik berperanan sebagai fasilitator dan mentor. Contoh program termasuk "**The Great Team Pursuit**" dan "**AAGBS Cares**"(Bukti 1). Selain itu, kursus kepimpinan sosial dan lawatan industri ke organisasi seperti Persatuan Pengasih Malaysia turut mendedahkan pelajar kepada isu-isu sosial dan cara mengatasinya, mengukuhkan pemahaman mereka tentang tanggungjawab sosial korporat (CSR) (Bukti 2). Selaras dengan misinya, AAGBS memberi tumpuan kepada pembentukan **Knowledge Driven Leader** dengan mengemas kini kurikulum berdasarkan trend terkini dalam pengurusan, teknologi, dan inovasi. Kurikulum ini menekankan penggunaan data dan analitik untuk membuat keputusan strategik. Penyelidikan berasaskan masalah disepadukan untuk membolehkan pelajar menyelesaikan cabaran sebenar. Staf akademik memastikan pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi terkini seperti AI dan analitik data. Bengkel dan seminar seperti "**Research Boot Camp**" disediakan untuk melatih pelajar dalam kaedah penyelidikan dan analisis (Bukti 3). Staf akademik memainkan peranan kritikal dalam membentuk **Entrepreneurial Mindset** pelajar melalui subjek-subjek penting seperti MGT783, OPM772, MGT786, dan MGT790. Staf ini dilatih dan dibekalkan dengan sumber yang mencukupi untuk memastikan penyampaian kurikulum berkesan dan relevan. Sebagai fasilitator dan mentor, mereka menggunakan pengetahuan dan pengalaman untuk membimbing pelajar, mengintegrasikan teori dengan aplikasi praktikal, dan menggalakkan pemikiran kritis (Bukti 4).

Secara keseluruhannya, pendekatan pembelajaran dinamik di AAGBS, yang didorong oleh sumber manusia yang komited dan berpengetahuan, memastikan bahawa pendidikan yang diberikan tidak hanya terhad di bilik kuliah. Ia juga merangkumi pengalaman sebenar dan pendedahan kepada industri, yang amat penting dalam melahirkan pemimpin masa depan yang berdaya saing, berorientasikan keusahawanan, dan bertanggungjawab secara sosial.

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_S01_SB04_SC01_20251_Bukti 5.4.1 Aktiviti CSR Pelajar.pdf](#)
2. [B0078_S01_SB04_SC01_20252_Bukti 5.4. Program- The Great Team Pursuit. AAGBS Cares Mobilizing Compassion for Collective Good.pdf](#)
3. [B0078_S01_SB04_SC01_20253_Bukti 5.4 Program Thesis Bootcamp & Doctoral Colloquium.pdf](#)
4. [B0078_S01_SB04_SC01_20254_Bukti 5.4 COURSES RP.pdf](#)
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

AAGBS menggunakan **Penilaian Prestasi Program** untuk mengukur keberkesanan program keusahawanan. Maklum balas dikumpulkan daripada pelajar, alumni, dan pihak industri melalui tinjauan berkala. Hasil penilaian ini membolehkan AAGBS mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program, seterusnya membuat penambahbaikan berterusan. Selain itu, **Sistem Penilaian Keusahawanan** digunakan untuk memantau kejayaan alumni secara kuantitatif, seperti jumlah syarikat yang ditubuhkan dan pertumbuhan perniagaan mereka (Bukti 1).

Bagi melahirkan pemimpin yang bertanggungjawab, AAGBS memberi tumpuan kepada program yang melibatkan komuniti. **Penilaian Aktiviti Sosial dan Kepimpinan** dijalankan untuk mengukur penglibatan pelajar dalam aktiviti sosial dan projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Maklum balas daripada pelajar, komuniti, dan rakan industri dikumpulkan untuk menilai impak projek dan sumbangan mereka kepada masyarakat (Bukti 2).

Untuk mencapai keberhasilan dalam pembentukan pemimpin berasaskan pengetahuan, AAGBS melaksanakan **Audit Kualiti Penyelidikan dan Pembelajaran** tahunan. Sebagai contoh, program "**Thesis Bootcamp & Doctoral Colloquium**" membolehkan AAGBS memantau perkembangan penyelidikan pelajar melalui sesi pembentangan dan maklum balas daripada panel akademik. Pendekatan ini memastikan pembelajaran dan penyelidikan yang dijalankan adalah efektif dan berkualiti tinggi (Bukti 3).

AAGBS juga memastikan interaksi yang baik antara pensyarah dan pelajar. Penglibatan staf dalam pelbagai aktiviti direkod dan dipantau melalui **database template** yang disediakan. Ini membolehkan pihak pengurusan mengenal pasti staf yang terlibat dalam lantikan luar, penyelidikan, dan konsultasi, yang berpotensi untuk mewujudkan kolaborasi dan kerjasama yang mengukuhkan program akademik (Bukti 4).

Secara keseluruhannya, pendekatan pemantauan yang teliti dan berterusan ini membolehkan AAGBS mengekalkan tahap kualiti yang tinggi. Sistem ini memastikan setiap inisiatif yang dirancang untuk membina **Entrepreneurial Mindset, Socially Responsible Leader, dan Knowledge Driven Leader** adalah efektif dan memberikan hasil yang nyata, menyumbang kepada kejayaan pelajar dalam bidang keusahawanan, kepimpinan yang bertanggungjawab, dan berasaskan pengetahuan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_S01_SB04_SC02_20251_Bukti 5.4 Ringkasan Aktiviti Alumni.pdf](#)
2. [B0078_S01_SB04_SC02_20252_Bukti 5.4 Program- The Great Team Pursuit, AAGBS Cares Mobilizing Compassion for Collective Good.pdf](#)
3. [B0078_S01_SB04_SC02_20253_Bukti 5.4 Program Thesis Bootcamp & Doctoral Colloquium.pdf](#)
4. [B0078_S01_SB04_SC02_20254_5.4.4.pdf](#)
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

AAGBS memantau aktiviti dan program yang telah belaku atau akan berlaku melalui analisis risiko yang disediakan oleh pengurusan risiko fakulti. Pendekatan ini membolehkan AAGBS menilai keberkesanan setiap inisiatif dan menangani risiko yang berpotensi menghalang pencapaian matlamat keusahawanan. Salah satu risiko yang dikenal pasti adalah kurikulum yang tidak relevan dengan keperluan industri. Sebagai tindakan penambahbaikan, AAGBS menjalin hubungan lebih rapat dengan pihak industri untuk memastikan kursus dan program yang ditawarkan relevan, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Dalam usaha melahirkan pemimpin yang bertanggungjawab, AAGBS mengkaji semula programnya berdasarkan maklum balas daripada komuniti dan pihak berkepentingan. Penilaian kepimpinan sosial digunakan untuk mengukur kebolehan pelajar menjadi pemimpin yang bertanggungjawab secara sosial, berdasarkan aktiviti dan projek yang mereka jalankan. Risiko utama yang dikenal pasti adalah sumber yang terhad untuk program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Untuk mengatasi risiko ini, AAGBS menjalin lebih banyak kerjasama dengan pihak luar seperti NGO, syarikat, dan kerajaan tempatan untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan program CSR (Bukti 1).

Bagi memastikan keberhasilan dalam pembentukan pemimpin berasaskan pengetahuan, AAGBS menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada kadar penerbitan penyelidikan yang rendah. Ini dilakukan dengan menilai hasil penyelidikan dan inovasi pelajar untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan. Maklum balas yang diterima daripada program seperti **Thesis Bootcamp & Doctoral Colloquium** membolehkan AAGBS mengenal pasti kelemahan dalam penulisan dan metodologi penyelidikan pelajar. Berdasarkan penemuan ini, AAGBS mencadangkan penambahbaikan dalam bentuk bengkel tambahan atau sokongan akademik yang lebih menyeluruh, memastikan kualiti penyelidikan sentiasa meningkat (Bukti 2).

Secara keseluruhannya, pendekatan kajian semula dan penambahbaikan yang berterusan ini memastikan AAGBS dapat mengekalkan tahap kualiti yang tinggi. Sistem ini membolehkan AAGBS bertindak secara proaktif untuk menyesuaikan program dan inisiatifnya, memastikan keberkesanan dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dan bersedia untuk menghadapi cabaran dunia perniagaan, kepimpinan, dan penyelidikan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_S01_SB04_SC03_20251_Bukti 5.4.3.1_JADUAL RISIKO DARIPADA PENYELARAS UNIT RISIKO AAGBS.pdf](#)
2. [B0078_S01_SB04_SC03_20252_Bukti 5.4 Program Thesis Bootcamp & Doctoral Colloquium.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

AAGBS mengintegrasikan matlamatnya dengan operasi harian melalui beberapa cara:

- **Integrasi untuk *Entrepreneurial Mindset*:** AAGBS memperkukuh hubungan jangka panjang dengan industri melalui kerjasama, projek bersama, dan penglibatan dalam perancangan strategik industri. Pengajaran tentang pengurusan risiko, inovasi, dan teknologi diterapkan dalam kurikulum untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran keusahawanan (Bukti 1).
- **Integrasi untuk *Socially Responsible Leader*:** Tanggungjawab sosial dan CSR disepadukan ke dalam kurikulum dan aktiviti utama. AAGBS menggalakkan penyertaan berterusan dengan komuniti dan menyokong alumni yang terlibat dalam projek sosial atau inisiatif CSR di tempat kerja mereka (Bukti 2).
- **Integrasi untuk *Knowledge Driven Leader*:** Pengetahuan terkini dan amalan penyelidikan disepadukan sebagai komponen utama dalam semua program pengajian. AAGBS juga memastikan pelajar mempunyai akses kepada sumber pembelajaran digital dan teknologi terkini. Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat AAGBS membantu menyelaraskan hala tuju akademik dengan keperluan industri (Bukti 3).

AAGBS menghargai dan mengiktiraf sumbangan staf secara berterusan. Maklumat mengenai kenaikan pangkat, lantikan pakar, perolehan geran, dan kejayaan alumni disalurkan melalui medium komunikasi seperti **WhatsApp AAGBS Family**, laman web, Instagram, dan Facebook. Ini meningkatkan ketampakan sumber manusia AAGBS di kalangan warga UiTM dan masyarakat umum (Bukti 4).

Budaya meraikan kejayaan staf turut dipupuk melalui majlis-majlis seperti meraikan kenaikan pangkat, persaraan, dan sambutan hari raya. Kelab Kebajikan Staf AAGBS, yang dilantik oleh pihak pengurusan, merancang aktiviti dan menguruskan sumber kewangan untuk program-program ini. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), majlis apresiasi, dan program **teambuilding** juga merupakan sebahagian daripada sokongan yang diberikan untuk meningkatkan produktiviti staf, yang secara langsung menyumbang kepada pembangunan dan pengurusan pelajar AAGBS. (Bukti 5)

Secara keseluruhannya, pendekatan AAGBS dalam pengurusan sumber manusia adalah menyeluruh, menggabungkan integrasi strategik dalam kurikulum dan operasi dengan sistem penghargaan yang kukuh. Ini memastikan staf sentiasa bermotivasi dan komited, yang merupakan elemen kritikal dalam melahirkan graduan yang holistik dan berkualiti tinggi, bersedia untuk menjadi pemimpin masa depan yang berdaya saing.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_S01_SB05_20251_Bukti 5.5.1_MoU_MoA dengan industri.pdf](#)
2. [B0078_S01_SB05_20252_Bukti 5.5ASAS.pdf](#)
3. [B0078_S01_SB05_20253_Bukti 5.5.3 Research Enhancement Courses REC.pdf](#)
4. [B0078_S01_SB05_20254_Bukti 5.5.4 Screenshot Facebook, Instagram dan Tiktok.pdf](#)
5. [B0078_S01_SB05_20255_Bukti 5.5.5 Majlis Apresiasi.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS) memposisikan pengurusan dan pembangunan pelajar sebagai agenda utama dalam usaha melahirkan graduan cemerlang yang seimbang dari segi akademik, kepimpinan, dan kemahiran global. Seiring aspirasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) menuju **Global Renowned University 2025 (GRU2025)**, AAGBS menekankan transformasi yang berpaksikan tiga keberhasilan utama: **Entrepreneurial Mindset Leaders, Socially Responsible Leaders, dan Knowledge-Driven Leaders**.

Pelaksanaan inisiatif ini berlandaskan dua pendekatan utama, iaitu model **Plan–Do–Check–Act (PDCA)** bagi memastikan kitaran penambahbaikan berterusan, serta rangka kerja **Approach–Deployment–Learning–Integration (ADLI)** yang memastikan strategi bukan sahaja dilaksana, tetapi turut dinilai, dipelajari, dan disepadukan ke dalam budaya fakulti. Kedua-dua pendekatan ini menjamin operasi yang sistematik, telus, dan mampan.

Entrepreneurial Mindset Leaders: AAGBS memperkukuh budaya keusahawanan melalui pembangunan berfasa (*exposure–engagement–execution*). Pelbagai bengkel keusahawanan, program *Coaching for Success*, serta kolaborasi strategik dengan industri seperti **Mydin (Strategic Insights 2024)** dan alumni dalam sektor logistik minyak & gas telah dijalankan. Program ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran praktikal pelajar, malah menyediakan ruang interaksi dengan ekosistem industri sebenar. Usaha ini dipantau melalui sistem MyRA/PRIME serta Alumni Mentorship Program, dan ditambah baik dengan memperluaskan MoU antarabangsa serta penglibatan alumni sebagai sumber daya strategik.

Socially Responsible Leaders: Selaras dengan agenda nasional dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), AAGBS mengarusperdanakan nilai kasih sayang, etika, dan tanggungjawab sosial melalui model **ADAB** serta pendekatan **4Ps (Pencarian isu, Perancangan, Pelaksanaan, Penilaian)**. Projek komuniti dan aktiviti CSR bersama NGO, agensi kerajaan, dan komuniti tempatan dilaksanakan secara konsisten. Laporan aktiviti direkodkan dalam sistem PRIME serta dinilai melalui rubrik Assurance of Learning (AoL). Bagi menangani risiko kekangan kewangan dan kurang sambutan pelajar, AAGBS melaksanakan intervensi seperti sokongan dana, bimbingan pensyarah, serta pengaktifan alumni.

Knowledge-Driven Leaders: Menghadapi cabaran era digital, AAGBS menekankan **experiential learning** dan integrasi teknologi dalam pengajaran. Program mobiliti antarabangsa, lawatan industri, modul berasaskan projek, serta ceramah profesional menghubungkan teori dengan aplikasi praktikal. Pemantauan keberkesanan dilakukan melalui AoL, CDL-CQI, dan prestasi akademik pelajar. Inovasi fakulti seperti **MyEVA** (pengurusan projek sarjana), **e-Form**, dan **AAGBS News Hub** mempercepatkan proses laporan serta meningkatkan ketelusan operasi. Keupayaan digitalisasi ini disokong lagi dengan sistem **One-Stop Centre (Google Drive HEP)** yang berfungsi sebagai pangkalan data bersepadu untuk tujuan pelaporan PI, audit, dan penilaian prestasi staf.

Selain itu, AAGBS turut memanfaatkan **media sosial (Facebook, Instagram, TikTok, LinkedIn, portal alumni)** sebagai jejak digital untuk mendokumentasikan pencapaian, memperkukuh keterlihatan, dan menilai impak keberhasilan. Langkah ini meningkatkan keterhubungan dengan alumni, komuniti, serta industri.

Keseluruhannya, strategi AAGBS bersepadu dengan dasar nasional, aspirasi UiTM, serta piawaian antarabangsa seperti **AACSB**, menjadikan ia ekosistem pengurusan pelajar yang inovatif, telus, dan kompetitif. Pelaksanaan inisiatif ini bukan sahaja melahirkan graduan yang berfikiran keusahawanan, bertanggungjawab sosial, dan berasaskan ilmu, malah memastikan UiTM kekal relevan, berdaya saing, dan bersedia mencapai aspirasi **universiti unggul bertaraf dunia menjelang 2025**.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS) mengoperasikan inisiatif pengurusan dan pembangunan pelajar melalui model Plan-Do-Check-Act (PDCA) dan penilaian Approach-Deployment-Learning-Integration (ADLI). Pendekatan ini memastikan setiap program dirancang dengan teliti, dilaksanakan secara sistematik, dipantau berterusan, serta ditambah baik secara strategik bagi menyokong pencapaian tiga keberhasilan utama UiTM: Entrepreneurial Mindset Leaders, Socially Responsible Leaders dan Knowledge-Driven Leaders.

6.2.1 Entrepreneurial Mindset Leaders

AAGBS membangunkan pelajar berjiwa keusahawanan melalui pendekatan berfasa (exposure-engagement-execution) yang disokong oleh MoU bersama industri dan alumni. Program seperti **Bengkel Keusahawanan** (Bahan Bukti 6.2.1.1), **Coaching for Success** (Bahan Bukti 6.2.1.2), serta kolaborasi strategik dengan alumni. Keberkesanan dipantau melalui MyRA/PRIME (Bahan Bukti 6.2.1.4). Risiko kolaborasi tidak aktif, bilangan MoU rendah dan kekangan infostruktur ditangani dengan pengukuhan jaringan industri, penglibatan alumni dan pemantauan berjadual.

6.2.2 Socially Responsible Leaders

Nilai kasih sayang, tanggungjawab sosial dan kelestarian (ADAB) diarusperdanakan melalui projek komuniti berasaskan 4Ps serta program CSR bersama NGO dan agensi kerajaan. Penilaian dibuat melalui laporan projek oleh pelajar melalui penasihat (Bahan Bukti 6.2.2.1), audit dalaman, rubrik assessment untuk MGT783 dan MGT786, dan refleksi pelajar. Risiko kurang sambutan ditangani dengan sokongan dana, penglibatan pensyarah serta bimbingan alumni. Usaha ini membentuk pemimpin beretika, peduli masyarakat dan lestari.

6.2.3 Knowledge-Driven Leaders

Bagi melahirkan pemimpin berasaskan ilmu, AAGBS menekankan experiential learning dan integrasi teknologi. Pelajar dilibatkan dalam program mobiliti (Bahan Bukti 6.2.3.1), lawatan industri (Bahan Bukti 6.2.3.2), Coaching for Success serta modul akademik berasaskan projek industri. Keberkesanan dipantau melalui AoL (CLO, PLO) dan CDL-CQI (Bahan Bukti 6.2.3.3), dan prestasi akademik. Risiko kekangan pensyarah, kewangan dan kelewatan laporan ditangani dengan inovasi seperti MyEVA (Bahan Bukti 6.2.3.4), e-Form (Bahan Bukti 6.2.3.5), dan Social Media seperti facebook (Bahan Bukti 6.2.3.6) yang memperkukuh kecekapan operasi.

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_O01_OB02_20251_6.2.1.1 Program Keusahawanan Pascasiswazah AAAGBS UiTM.pdf](#)
2. [B0078_O01_OB02_20252_6.2.1.2 Launching of coaching-for-success-9.pdf](#)
3. [B0078_O01_OB02_20253_6.2.1.4 Prime Pensyarah.pdf](#)
4. [B0078_O01_OB02_20254_6.2.4 Contoh Project Report_CUSTODIANS OF THE BINS KAMPUNG NELAYAN PULAU PERHENTIAN KECIL.pdf](#)
5. [B0078_O01_OB02_20255_6.2.3.3 Concluding Remarks 20242_Presented 200924_Submitted 021024.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

6.3.1 AAGBS melaksanakan proses pemantapan secara sistematik dengan menumpukan kepada pengukuhan dan peluasan jaringan kerjasama strategik melalui pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) bersama rakan kolaborasi dalam dan luar negara. Proses ini dikendalikan secara teliti berasaskan carta alir permohonan MoU (Bahan Bukti 6.3.1.1).

Bagi memastikan impak konsisten dan lestari, pendekatan **Plan–Do–Check–Act (PDCA)** diguna pakai dalam keseluruhan proses, dengan penerapan budaya perkongsian ilmu merentas sempadan yang melibatkan agensi kerajaan, sektor industri, institusi akademik, serta pertubuhan bukan kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sebagai komponen utama dalam ekosistem keusahawanan AAGBS, kerjasama strategik meliputi:

1. Pemadanan projek ABP bersama syarikat rakan industri (Bahan Bukti 6.3.1.2).
2. Perkongsian kepakaran melalui sesi bimbingan, ceramah industri, dan pembangunan modul bersama (Bahan Bukti 6.3.1.3).

Inisiatif ini dirancang bagi mewujudkan keterlibatan menyeluruh merentas semua pemegang taruh termasuk pelajar, alumni, mentor industri, dan penyelidik, sekali gus memastikan penyebaran pengetahuan, akses peluang keusahawanan dan pembangunan kompetensi yang berimpak tinggi.

6.3.2 PDCA dalam kerjasama strategik AAGBS:

- **Plan** – mengoptimumkan kepakaran staf akademik sebagai pakar rujuk, meningkatkan jumlah MoU dan projek perundingan, serta memperluas jaringan kolaborasi dengan alumni, industri, agensi kerajaan dan institusi antarabangsa (Bahan Bukti 6.3.2.1).
- **Do** – mengetengahkan kepakaran akademik melalui mobiliti antarabangsa, mengadakan syarahan profesor oleh rakan kolaborasi, serta mempromosikan syarahan kepimpinan dan industri.
- **Check** – mendaftarkan maklumat MoU dalam Sistem Pemantauan MoU, menggalakkan kerjasama berfokus, serta melaporkan aktiviti kepada pengurusan AAGBS melalui PI reporting.
- **Act** – membentuk jalinan kerjasama dengan organisasi dan penyelidik tempatan serta antarabangsa, dan memastikan MoU/MoA aktif sepanjang tempoh program (Bahan Bukti 6.3.2.2).

Hasil daripada pendekatan ini, jumlah aktiviti yang menyokong pembangunan pelajar meningkat, termasuk bilangan MoU yang aktif. Selain itu, bilangan staf akademik diiktiraf sebagai pakar rujuk di peringkat kebangsaan dan antarabangsa turut bertambah.

6.3.3 Pengukuhan Ekosistem Keusahawanan Melalui Kerjasama Strategik

Kerjasama dengan pihak industri merupakan elemen penting dalam membina ekosistem keusahawanan yang inklusif. Peningkatan jumlah MoU dengan syarikat industri membuka peluang latihan industri serta jaringan kerjaya untuk pelajar dan alumni.

- **Pemeriksaan MoU** – meningkatkan bilangan MoU merentas sektor teknologi, logistik, runcit, dan kejuruteraan, sekali gus membuka ruang latihan industri yang relevan serta peluang kerjasama perniagaan untuk alumni.
- **Pendekatan Menyeluruh** – melibatkan pelajar, alumni, mentor industri dan agensi kerajaan

bagi memperluas budaya keusahawanan. Alumni bertungsi sebagai penghubung institusi, industri, menjana peluang perniagaan baharu dan sinergi jangka panjang.

- **Program Keusahawanan Berskala Besar** – memperluas penyertaan pelajar dan alumni dalam program inkubasi, bootcamp, dan akselerator yang disokong rakan industri, dengan akses kepada modal permulaan, bimbingan pakar, serta platform pemasaran.
- **Penyertaan Aktif dalam Komuniti Industri** – menggalakkan pelajar dan alumni menyertai pameran perniagaan, forum industri, pertandingan inovasi, serta sesi perkongsian ilmu untuk memperkukuh profil, keyakinan, dan kemahiran komunikasi mereka .

Langkah-langkah ini mengukuhkan hubungan institusi pendidikan, industri, serta memperkasakan pelajar dan alumni dalam membina kerjaya serta perniagaan yang kompetitif dan relevan dengan keperluan pasaran semasa.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_O01_OB03_20251_6.3.1.1 Contoh MOU with international Universiti.pdf](#)
2. [B0078_O01_OB03_20252_6.3.1.2 ABP792_ABP796_IFE781_LIST of PROJECTS.pdf](#)
3. [B0078_O01_OB03_20253_6.3.1.3_Senarai aktiviti ceramah webinar dan lawatan industri 2024.pdf](#)
4. [B0078_O01_OB03_20254_6.3.2.1 Pakar Rujuk nasional.pdf](#)
5. [B0078_O01_OB03_20255_6.3.2.2 Contoh kerjasama bersama Universiti Luar.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

6.4.1 Pelaksanaan Inovasi dalam Pembelajaran Berasaskan Industri

Melalui kerjasama strategik dengan industri, pelajar dilatih mengenal pasti isu sebenar dan membangunkan penyelesaian praktikal. Pendekatan ini menghubungkan teori akademik dengan keperluan pasaran, sekali gus memberi nilai tambah kepada organisasi rakan kolaborasi. Antara ciri pelaksanaan:

1. Penilaian berasaskan projek yang memberi impak langsung kepada industri.
2. Pengaplikasian kemahiran penyelesaian masalah dalam konteks sebenar.
3. Penciptaan hasil yang jelas kepada komuniti atau industri sasaran.

Inovasi disusun mengikut kerangka 4Ps: Pencarian isu, Perancangan, Pelaksanaan, dan Penilaian. Nilai ADAB diterapkan pada setiap peringkat bagi memastikan mutu pengajaran konsisten. Pensyarah berfungsi sebagai penasihat akademik, membimbing pelajar dalam aspek etika, interaksi komuniti, dan profesionalisme. Keberkesanan proses ini dipantau Unit ICAN melalui indikator prestasi utama (KPI) dan disokong pengurusan bahagian akademik (Bukti 6.4.1.1).

6.4.2 Aplikasi PDCA dalam Program Pembangunan Pelajar

Model PDCA diaplikasikan dalam program mobiliti, “Coaching for Success” serta projek kolaborasi industri:

Plan: perancangan kandungan berteraskan pemikiran kritikal, inovasi, dan jalinan alumni-industri.

Do: pelaksanaan bimbingan bersama pakar, simulasi perniagaan, dan projek industri.

Check: penilaian melalui maklum balas, impak pelajar, dan laporan pencapaian.

Act: penambahbaikan berterusan, pengukuhan kolaborasi, serta rekod pencapaian (Bukti 6.4.1.2).

6.4.2 Pengukuhan Pembelajaran melalui Pendekatan Praktikal

AAGBS menekankan pembelajaran holistik berorientasikan industri dengan mengaplikasikan *experiential learning* serta penguasaan modal industri. Pendekatan ini disokong melalui kurikulum yang diperbaharui, yang menitikberatkan elemen praktikal sebagai asas pembelajaran.

Bagi memperkukuh pengalaman pembelajaran, pendekatan ini turut merangkumi:

- **Lawatan industri**, bagi memberi pendedahan langsung kepada operasi sebenar organisasi (Bahan Bukti 6.4.2.1).
- **Projek CSR yang diintegrasikan dalam kokurikulum**, sebagai wadah pelajar mengaplikasikan ilmu sambil menyumbang kepada komuniti (Bahan Bukti 6.4.2.3).
- **Ceramah dan perkongsian daripada pakar industri**, untuk meluaskan perspektif serta memahami trend semasa dunia pekerjaan (Bahan Bukti 6.4.2.3).

Melalui gabungan inisiatif ini, pelajar bukan sahaja memperoleh ilmu secara teori, malah dapat memperkukuh kemahiran insaniah, jaringan profesional, dan kesiapsiagaan menghadapi dunia industri sebenar. Usteru, pendekatan praktikal ini diyakini mampu melahirkan graduan yang lebih berdaya saing, relevan dengan kehendak pasaran, dan berupaya menyumbang secara

bermatia kepada pembangunan negara.

SENARAI BUKTI:

1. [B0078_O01_OB04_OC01_20251_6.4.1.1 2025-08-05.12-44-53 - PELAPORAN KPI DAN PI BHEP.pdf](#)
2. [B0078_O01_OB04_OC01_20252_6.4.1.2 Borang Permohonan Aktiviti Pelajar 2025 yang perlu diperiksa oleh pensyarah dan HEP and ICAN UNIT.pdf](#)
3. [B0078_O01_OB04_OC01_20253_6.4.2.1 Contoh Lawatan Industri.pdf](#)
4. [B0078_O01_OB04_OC01_20254_6.4.2.3 Contoh CSR Custodian of the Bins.pdf](#)
5. [B0078_O01_OB04_OC01_20255_6.4.2.3 Contoh Ceramah Perkongsian Pakar Industri.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

AAGBS mementingkan pengurusan risiko bagi proses operasi utama BT dalam membantu pencapaian objektif strategi. Jawatankuasa Pengurusan Risiko AAGBS di bawah seliaan Bahagian Pengurusan untuk memastikan segala risiko berkaitan operasi utama AAGBS dikawal dan diselia. Jawatankuasa ini berperanan membudayakan warga AAGBS berkaitan pengurusan risiko yang berkesan dalam menghasilkan proses kerja yang mantap dan efisien (Bukti 6.4.2.1).

Pengurusan risiko bagi operasi utama AAGBS dikelaskan kepada empat (4) tahap iaitu **Rendah, Sederhana, Tinggi dan Kritikal**. Pengelasan tahap ini ditentukan berdasarkan kemungkinan terjadinya insiden dalam jangka masa atau keadaan tertentu yang memberi kesan negatif terhadap pelaksanaan operasi. Pelan pencegahan risiko turut dirancang dan dilaksanakan secara menyeluruh. Semua risiko didaftar di dalam Daftar Risiko AAGBS sebagai komitmen pelaksanaan proses-proses yang lebih sempurna. AAGBS telah menyenaraikan Daftar Risiko AAGBS untuk memantau risiko pelaksanaan program/aktiviti/projek BT (Bukti 6.4.2.2).

Penganjuran aktiviti terdedah kepada risiko kegagalan akibat dari kekangan kewangan dan kurang sambutan daripada para pelajar. Risiko dikenal pasti dan didaftar dalam Daftar Risiko AAGBS bersama tindakan pencegahan. Beberapa langkah mitigasi diambil untuk memastikan risiko adalah terkawal (Bukti 6.4.2.3).

Analisis Risiko & Tindakan Mitigasi (PDCA)

1. Rakan kolaborasi tidak aktif & bilangan pelajar tidak capai sasaran (Risiko Rendah)

- **Plan:** Kenal pasti pensyarah/institusi berkaitan & sediakan bantuan kepakaran dan memberu motivasi kepada pelajar berminat.
- **Do:** Laksanakan bantuan kewangan & sokongan kepada pelajar melalui tabung amanah AAGBS untuk projek yang berimpak.
- **Check:** Pantau penglibatan pelajar & rakan kolaborasi melalui laporan berkala.
- **Act:** Wujudkan insentif untuk galakkan kolaborasi lebih aktif.
- (Bahan Bukti 6.4.2.4)

2. Bilangan MoU/MoA rendah (Risiko Rendah)

- **Plan:** Senaraikan institusi berpotensi antarabangsa & jalinkan hubungan strategik dengan alumni AAGBS.
- **Do:** Mulakan hubungan awal dengan institusi luar.
- **Check:** Semak perkembangan MoU/MoA setiap semester.
- **Act:** Luaskan jaringan strategik melalui hubungan antarabangsa.

3. Sumber infostruktur tidak fleksibel (Risiko Rendah)

- **Plan:** Rancang sistem pemantauan lebih mesra pengguna & fleksibel.
- **Do:** Laksanakan pemantauan aktiviti secara berjadual dengan kemas kini kerap.
- **Check:** Nilai keberkesanan sistem melalui maklum balas pengguna.
- **Act:** Naik taraf sistem infostruktur secara berperingkat.

▼ (Bahan Bukti 6.4.2.5 - Maklum Balas pengguna)

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_O01_OB04_OC02_20251_6.4.2.1 SENARAI JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO AAGBS.pdf](#)
2. [B0078_O01_OB04_OC02_20252_6.4.2.2 Contoh Daftar Risiko di Strategic Action Plan AAGBS.pdf](#)
3. [B0078_O01_OB04_OC02_20253_6.4.2.3 Laporan Risiko AAGBS.pdf](#)
4. [B0078_O01_OB04_OC02_20254_6.4.2.4 Contoh Pemantauan PI secara berkala.pdf](#)
5. [B0078_O01_OB04_OC02_20255_6.4.2.5 Maklum balas pengguna.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kajian Semula Operasi dan Penambahbaikan Berterusan

AAGBS komited memastikan operasi bidang tumpuan (BT) mencapai objektif strategik melalui kajian semula operasi secara berkala menerusi Mesyuarat MKSP (Bukti 6.4.3.1) dan Mesyuarat Pengurusan (Bukti 6.4.3.2). Keberhasilan jangka panjang diperkukuh melalui bengkel *retreat* tahunan, di mana pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) dan analisis operasi dibentangkan. Sebarang ketidakselarasan akan diperbetulkan berdasarkan dapatan semasa dan perubahan persekitaran. Retreat peringkat bahagian pula menilai semula proses serta hasil pelaksanaan, yang seterusnya dibawa ke mesyuarat untuk tindakan penambahbaikan.

Pelaksanaan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)

MKSP dilaksanakan sekali setahun bagi membincangkan pencapaian objektif kualiti, prestasi proses, isu audit, serta perkara pengurusan lain. Dapatan digunakan sebagai asas penambahbaikan sistematik dan berterusan. Proses ini memastikan inisiatif bersama komuniti, industri dan pelajar menyokong keberhasilan utama iaitu *Entrepreneurial Mindset*, *Socially Responsible Leaders* dan *Knowledge-Driven Leaders*.

Pemantauan Aktiviti Pelajar dan AoL

Setiap aktiviti pelajar perlu dilapor mengikut jadual, dan ketidakpatuhan boleh menyebabkan pembayaran projek akan ditangguh sehingga pelaporan diberi. Standard Operating Procedure (SOP) aktiviti pelajar UiTM di war-war kepada fakulti dan pelajar supaya operasi berjalan lancar (Bahan Bukti 6.4.3.3) Aktiviti pelajar dirangka berdasarkan *Course Information* yang disemak semasa AOL bagi memastikan keselarasan dengan *Program Learning Outcomes (PLO)*. Proses *Assurance of Learning (AoL)* dilaksanakan secara berkala oleh Jawatankuasa AoL (Bukti 6.4.3.4). Penetapan *PLO* dan *CLO* mengikut MQF, penilaian berasaskan instrumen sahih, data dikumpul melalui *AoL Assessment Cycle* (Bahan Bukti 6.4.3.5), dan analisis dibentang dalam JAF untuk tindakan penambahbaikan. Semua rekod disimpan dalam laporan CDL-CQI dan HEA UiTM.

Penambahbaikan Akademik dan Pengurusan Sumber

Prestasi akademik dipantau berterusan, dengan sebarang anomali dibincang dalam mesyuarat program dan tindakan susulan disahkan melalui sistem CDL-CQI. Kekangan kewangan diatasi melalui penstrukturan program, manakala isu kekurangan pensyarah ditangani dengan pelantikan PTFT serta permohonan waran baharu.

Pemantauan Program CSR dan Keusahawanan

Unit ICAN memastikan kejayaan program CSR dan keusahawanan melalui penilaian prestasi serta maklum balas pelajar dan industri. Pelaporan ini menjadi asas intervensi untuk mengukuhkan kolaborasi strategik.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_O01_OB04_OC03_20251_6.4.3.1 Jemputan MKSP.JPG.pdf](#)
2. [B0078_O01_OB04_OC03_20252_6.4.3.2 Mesyuarat Pengurusan.pdf](#)
3. [B0078_O01_OB04_OC03_20253_6.4.3.3 SOP_Kelulusan_Aktiviti_HEP.pdf](#)
4. [B0078_O01_OB04_OC03_20254_6.4.3.4 Minutes of AoL Workshop 20244 Y1C2_20244_AAGBS.pdf](#)
5. [B0078_O01_OB04_OC03_20255_6.4.3.5 AoL Minutes SEM20242.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

AAGBS komited memperkasa pengurusan dan pembangunan pelajar melalui operasi yang tersusun, bersepadu, serta berpaksikan kepada keberhasilan strategik. Penjelasan tumpuan kepada operasi PTJ memfokuskan perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan penambahbaikan terhadap bidang tumpuan yang dipilih. Penilaian keberkesanan pula berpandukan pendekatan ADLI (*Approach, Deployment, Learning, Integration*). Pendekatan ini menjamin keselarasan usaha ke arah pembentukan graduan berjiwa keusahawanan (*Entrepreneurial Mindset*), beretika dan bertanggungjawab sosial (*Socially Responsible Leaders*), serta berasaskan ilmu (*Knowledge-Driven Leaders*).

6.5.1 Pembudayaan Inovasi dalam Pengurusan dan Pembangunan Pelajar

AAGBS menekankan inovasi berterusan untuk meningkatkan kualiti pengurusan pelajar. Antara inisiatif ialah pembangunan *MyEVA*, sistem pemarkahan projek akhir pelajar sarjana berkembar. *MyEVA* merupakan hasil pendekatan sistematik (*Approach*), dilaksanakan secara menyeluruh dalam pengurusan fakulti (*Deployment*), dipertingkat melalui maklum balas pensyarah dan pelajar (*Learning*), serta diintegrasikan dalam prosedur rasmi pengurusan MBA (*Integration*) (Bahan Bukti 6.5.1.1).

6.5.2 Digitalisasi dan Sistematikasi Pengurusan Aktiviti Pelajar

AAGBS menyediakan platform rasmi di laman sesawang fakulti (<https://aagbs.uitm.edu.my>) (Bahan Bukti 6.5.2.1) untuk memuat turun borang seperti Borang Permohonan Aktiviti, Tuntutan Bayaran Balik Templat Laporan Penutup, dan Honorarium. Kemudahan ini memudahkan pematuhan prosedur, meningkatkan ketelusan serta menyeragamkan proses operasi. Carta alir permohonan aktiviti dan carta alir aktiviti dengan pembiayaan juga disediakan untuk kemudahan fakulti dan pelajar. Untuk memastikan setiap program berjalan lancar, AAGBS memastikan pembiayaan yang cukup sejajar dengan polisi UiTM melalui tabung amanah. SOP juga disediakan sebagai rujukan. Inisiatif ini selari dengan prinsip ADLI melalui pelaksanaan sistematik dan sokongan digital bersepadu.

6.5.3 Penggunaan e-Form dan AAGBS News Hub, Social Media

e-Form diperkenalkan untuk penghantaran laporan secara digital, mengelakkan pengulangan data, serta memberi akses masa nyata kepada pelbagai unit. Laporan dimuat naik ke *AAGBS News Hub, social media platform* untuk dokumentasi dan rujukan (Bukti 6.5.3.1). Kaedah ini menunjukkan bagaimana AAGBS menambah baik proses sedia ada (*Learning*) dan menghubungkannya dengan sistem dokumentasi bersepadu (*Integration*).

6.5.4 Sistem One-Stop Centre dan Pelaporan Bersepadu

ICAN dan HEP menyelaraskan pelaporan melalui Google Drive HEP sebagai *One-Stop Centre*. Laporan dikategorikan, dianalisis bulanan, dan dibentangkan dalam mesyuarat fakulti. Data ini digunakan untuk pelaporan PI, audit dalaman/luaran, AKNC serta perancangan strategik AAGBS. Melalui ADLI, sistem ini membuktikan keberkesanan perancangan (A), pelaksanaan menyeluruh (D), pembelajaran melalui analisis bulanan (L), dan integrasi dalam pelaporan universiti (I).

6.5.5 Pemerksaan Jejak Digital dan Komunikasi Strategik

Media sosial dimanfaatkan sebagai saluran strategik untuk memaparkan keterlibatan pelajar dalam keusahawanan, kepimpinan sosial dan pembangunan ilmu. Aktiviti direkodkan melalui:

- Facebook
- Instagram
- TikTok
- Whatsapp group
- (Bahan Bukti 6.5.5.1)

Manakala hubungan dengan alumni diperkukuh melalui:

- LinkedIn rasmi AAGBS
- Laman sesawang alumni
- Platform AAGBS Student Association (ASAS)
- (Bahan Bukti 6.5.5.4)

Strategi komunikasi digital ini menunjukkan *deployment* meluas, *learning* berterusan melalui maklum balas pengguna, dan *integration* dengan jaringan alumni.

Kesimpulan

Ekosistem pengurusan pelajar AAGBS dibangunkan berasaskan inovasi digital, sistematik, telus, dan bersepadu. Melalui amalan ADLI, setiap inisiatif dirancang dengan jelas, dilaksanakan menyeluruh, diperkukuh dengan pembelajaran berterusan, serta diintegrasikan dalam operasi fakulti. Keseluruhannya, pendekatan ini menyokong aspirasi universiti serta piawaian antarabangsa seperti AACSB, sekali gus melahirkan graduan AAGBS yang kompeten, berdaya saing dan relevan di peringkat global.

SENARAI BUKTI :

1. [B0078_O01_OB05_20251_6.5.1.1 MyEva Form.pdf](#)
2. [B0078_O01_OB05_20252_6.5.2.1_Laman sesawang yang memaparkan borang borang aktiviti fakulti dan pelajar dan .pdf](#)
3. [B0078_O01_OB05_20253_6.5.3.1 AAGBS News Hub.pdf](#)
4. [B0078_O01_OB05_20254_6.5.5.1_Social Medias Tiktok Facebook Whatsapp Insta.pdf](#)
5. [B0078_O01_OB05_20255_6.5.5.4 Alumni and ASAS Social Media.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

7.2 HASIL UTAMA 2 (Hasil dari Tumpuan Pelanggan)

1. Teaching Self- Assessment (TESA)
2. Student Evaluation (SUFO)
3. Teaching Effectiveness Index (TEX)
4. PRO-PENS
5. Pencapaian Kualiti AAGBS

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

AAGBS UiTM menunjukkan prestasi cemerlang dari tahun 2022 hingga 2024 berdasarkan pencapaian indikator seperti TESA, SUFO, TEX, PROPENS dan GOT. Nilai tertinggi dicatatkan pada 2024 dengan TESA (95.5%), SUFO (95.5%) dan TEX (95%), antara yang tertinggi di UiTM. Profesionalisme pensyarah melalui PROPENS juga cemerlang (93.64%). Kadar Graduating On Time (GOT) meningkat dari 89% (2022) ke 96% (2024), manakala pelajar ber-GPA 3.5 ke atas mencapai 82% pada 2024. Kesemua indikator menyumbang kepada pembentukan pelajar sebagai Entrepreneurial, Socially Responsible dan Knowledge Driven Leaders, selari dengan SDG 4 dan Malaysia MADANI. AAGBS UiTM menunjukkan trend pencapaian akademik yang konsisten antara 2022 hingga 2024 melalui peningkatan TESA (91% ke 94%), SUFO (93% ke 95.5%), dan TEX (95%). PROPENS juga meningkat ke 93.64%, mencerminkan keberkesanan pengajaran. GOT bagi pelajar Sarjana dan PhD meningkat, manakala DBA menurun. Data ini menyokong pencapaian tiga hasil utama AAGBS: Entrepreneurial Mindset Leaders, Socially Responsible Leaders dan Knowledge Driven Leaders, serta memperkukuh kualiti akademik selaras dengan SDG 4 dan Malaysia MADANI. AAGBS telah menunjukkan keberhasilan signifikan terhadap pembangunan pelajar berdasarkan tiga hasil utama: *Entrepreneurial Mindset Leaders*, *Socially Responsible Leaders*, dan *Knowledge Driven Leaders*. Dari tahun 2022 hingga 2024, pencapaian penunjuk prestasi utama seperti TESA (94%), TEX (95%), dan PROPENS (93.64%) mencerminkan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat individu. Di peringkat sekolah, sistem SUFO (95.5%) meningkatkan pengurusan akademik. Di peringkat universiti, AAGBS mencatat GOT (Graduated On Time) tertinggi di UiTM iaitu 96% (2024). Graduan turut memberi impak kepada negeri melalui program komuniti seperti *Solar Outreach*, dan di peringkat negara melalui peranan strategik dalam agensi utama seperti MATRADE dan MDEC. Di peringkat global, alumni AAGBS seperti Dato' Sri Dr. Irmohizam dan TS Irme Rafhan menonjol dalam arena antarabangsa. Pencapaian ini menyokong SDG 4 dan Malaysia MADANI, serta memperkukuh reputasi AAGBS sebagai pusat kecemerlangan serantau.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_B0078_HB02_20251_Bukti 7.1.2 TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_B0078_HB03_20252_Bukti 7.1.3 TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_B0078_HB04_20253_Bukti 7.1.4 PERBANDINGAN edited.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_B0078_HB05_20254_Bukti 7.1.5 KEPENTINGAN V1.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

- 1. Entrepreneurial Mindset Leader**
- 2. Socially Responsible Leader**
- 3. Knowledge Driven Leader**

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Keberhasilan AAGBS dalam kategori Entrepreneurial Mindset Leader dicapai melalui penganjuran AAGBS Economic Symposium: Future of Malaysia 1.0 bagi menyokong pencapaian PI019. Program berimpak tinggi ini menghimpunkan pelajar, alumni dan tokoh industri seperti Tan Sri Dato' Seri Haji Idris Jusoh yang berkongsi pandangan tentang peranan pendidikan tinggi dalam pembangunan ekonomi. Simposium ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai realiti keusahawanan, memupuk pemikiran strategik, jaringan profesional serta menyokong matlamat AAGBS melahirkan graduan berjiwa usahawan.

Program Strategic Insights 2024 bersama Mydin Mohamed Holdings Berhad pula memperkukuh pembelajaran berasaskan industri dan pemahaman strategik pelajar pascasiswazah dalam konteks sebenar. Pelajar berpeluang mendalami pendekatan strategik serta pengurusan korporat oleh salah satu peruncit terbesar di Malaysia. Inisiatif ini bertepatan dengan tema "Connect, Engage, Advance" AAGBS, sekali gus menyokong pencapaian indikator P016, P086 dan P053 berkaitan kepimpinan berpengetahuan dan jaringan industri nasional.

Selain itu, webinar Optimizing Oil and Gas Logistics: Collaborative Strategies with Vietnam memberi pendedahan tentang strategi logistik minyak dan gas dalam hubungan Malaysia–Vietnam. Perbincangan meliputi isu rantai bekalan, cabaran pengangkutan tenaga dan inovasi kerjasama rentas sempadan. Program ini menyokong objektif AAGBS melahirkan pemimpin global berpengetahuan sejajar dengan aspirasi Malaysia Madani. Inisiatif ini turut memenuhi tiga hasil utama: Entrepreneurial Mindset Leader, Socially Responsible Leader dan Knowledge Driven Leader.

AAGBS turut mengadakan lawatan industri ke Galaxy Aerospace (M) Sdn Bhd di Ara Damansara yang memberi pendedahan tentang inovasi dan keselamatan dalam industri aeroangkasa. Lawatan ini selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 9): Industri, Inovasi dan Infrastruktur serta strategi indikator P086 dan P053.

Sepanjang 2022 hingga 2024, Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS), UiTM Shah Alam telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam tiga bidang utama: keusahawanan, tanggungjawab sosial dan penyelidikan berimpak. Di bawah PI019 (Entrepreneurial Mindset Leader), bilangan alumni bergelar usahawan melepasi sasaran tiga tahun berturut-turut, dengan pencapaian tertinggi pada 2024 iaitu 28 orang berbanding sasaran hanya lima.

Dalam aspek PI086 (Socially Responsible Leader), AAGBS menggiatkan aktiviti ESI-IDART berteraskan kelestarian dan keterangkuman, dengan tahun 2023 mencatat lapan aktiviti—tertinggi sepanjang tempoh tersebut. Sementara itu, bagi PI053 (Knowledge Driven Leader), AAGBS mengekalkan kecemerlangan penerbitan terindeks hasil kerjasama nasional, melebihi sasaran setiap tahun termasuk lapan penerbitan pada 2024.

Kejayaan berterusan ini mencerminkan komitmen AAGBS melahirkan graduan seimbang antara kepimpinan ilmu, keusahawanan dan tanggungjawab sosial, sejajar dengan visi dan misi universiti untuk membentuk pemimpin berdaya saing di peringkat nasional dan global.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_B0078_HB02_20251_Bukti 7.2.2 TAHAP HASIL 2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_B0078_HB03_20252_Bukti 7.2.3 TREN HASIL 2.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_B0078_HB04_20253_Bukti 7.2.4 PERBANDINGAN HASIL 2.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_B0078_HB05_20254_Bukti 7.2.5 KEPENTINGAN HASIL 2.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

7.3 HASIL UTAMA 3 (Hasil dari Pelaksanaan Strategi)

7.3.1 Pengiktirafan Kualiti Akreditasi Bertaraf Antarabangsa

7.3.2 Penjenamaan Global dan Penarafan

7.3.3 Penglibatan Industri dan Komuniti

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

AAGBS UiTM mencapai kecemerlangan hasil strategik melalui dua akreditasi antarabangsa (AACSB & ABEST21), menjadikannya sekolah perniagaan awam paling kompetitif di ASEAN. Ia menonjol dengan kurikulum sejajar industri tempatan, fleksibiliti mod pengajian, dan yuran mampu milik, memberi akses luas kepada pelajar bumiputera. Penglibatan aktif dengan GLC/SOE serta penyelidikan berimpak tinggi yang disokong MOHE, selari dengan SDG 4, 8, 9, dan 17 serta prinsip Malaysia MADANI. AAGBS juga memiliki jaringan alumni terbesar di Malaysia berbanding AIM, CMMU, dan SBM ITB, sekaligus melahirkan Entrepreneurial, Socially Responsible dan Knowledge Driven Leaders. AAGBS UiTM menunjukkan tren prestasi kukuh berdasarkan pencapaian dalam penyelidikan, pengiktirafan antarabangsa, dan impak alumni dari 2022 hingga 2024. Institusi ini mencapai dua akreditasi antarabangsa (AACSB dan ABEST21), menawarkan program fleksibel dan yuran berpatutan, serta memperkukuh jaringan alumni domestik.

AAGBS UiTM, menunjukkan keunggulan berbanding sekolah perniagaan serantau seperti CMMU Thailand, AIM Filipina, dan SBM ITB Indonesia. AAGBS memperoleh dua akreditasi antarabangsa: AACSB dan ABEST21 menjadikannya antara institusi elit global. Ia menawarkan mod pengajian fleksibel (sepenuh/separuh masa) dan yuran berpatutan (~RM28,000), berbanding AIM (RM139,000), CMMU dan SBM (~RM26,000). Kurikulumnya relevan dengan industri tempatan dan disokong oleh penasihat industri, memberi kelebihan kepada pelajar bumiputera dan profesional Malaysia. AAGBS juga memiliki rangkaian alumni tempatan kukuh (5,899 orang) dan hubungan strategik dengan GLC dan sektor awam. Dalam aspek penyelidikan, AAGBS aktif menerbit dalam jurnal SCOPUS dan ESCI, disokong penuh oleh UiTM dan MOHE tidak seperti AIM yang dibiayai secara swasta. Keseluruhannya, kekuatan AAGBS dalam kos, fleksibiliti, jaringan industri, dan penyelidikan menjadikannya peneraju dalam mendokong SDG 4, SDG 17, prinsip inklusiviti Malaysia MADANI dan tiga hasil utama AAGBS: Entrepreneurial, Socially Responsible dan Knowledge Driven Leaders.

AAGBS memberi impak strategik melalui tiga hasil utama : Entrepreneurial Mindset Leaders, Socially Responsible Leaders, dan Knowledge Driven Leaders di pelbagai peringkat. Di peringkat individu, program fleksibel dan yuran berpatutan selaras dengan **SDG 4** dan **Malaysia MADANI**. Di peringkat fakulti dan universiti, pengiktirafan **AACSB dan ABEST21** serta anugerah **AKPU 2024** mengukuhkan kecemerlangan akademik dan penyelidikan. Alumni AAGBS menyumbang besar di peringkat negeri, negara dan global, memperkukuh jaringan kepimpinan, ekonomi dan jenama Malaysia dalam pendidikan tinggi, selari dengan **SDG 8 dan 17**.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_B0078_HB02_20251_Bukti 7.3.1 TAHAP HASIL 3.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_B0078_HB05_20252_Bukti 7.3.2 TANDA ARAS 3.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_B0078_HB04_20253_Bukti 7.3.4 PERBANDINGAN HASIL 3.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_B0078_HB05_20254_Bukti 7.3.3 KEPENTINGAN HASIL 3.pdf](#)